# LAPORAN
# PENILAIAN IMPAK SOSIAL
# DI NEGERI JOHOR

2022

# LAPORAN PENILAIAN IMPAK SOSIAL DI NEGERI JOHOR

## KANDUNGAN


| | | | |
|---|---|---|---|
| **SENARAI JADUAL** | | | iii |
| **SENARAI RAJAH** | | | iv |
| **SENARAI PETA** | | | v |
| **SENARAI LAMPIRAN** | | | v |
| **SINGKATAN** | | | vi |
| | | | |
| **BAB 1** | **PENGENALAN** | | |
| | 1.1 | Pengenalan Penilaian Impak Sosial (SIA) | 2 |
| | 1.2 | Konteks SIA | 2 |
| | | 1.2.1 Kaitan Antara Operasi Pengurusan Hutan Dan Orang Asli/Komuniti Tempatan | 2 |
| | | 1.2.2 Kaitan SIA Dengan Operasi Pengurusan Hutan | 3 |
| | | 1.2.3 Carta Alir Pelaksanaan SIA | 3 |
| | | 1.2.4 Skop SIA | 4 |
| | 1.3 | Maklumat Ringkas Penduduk dan Lokasi Penempatan di Dalam dan Berdekatan dengan HSK | 4 |
| | 1.4 | Objektif Kajian | 5 |
| | 1.5 | Keperluan Kajian Dalam Pemantuhan Pensijilan Perhutanan (MC&I) *Sustainable Forest Management* (SFM) | 6 |
| | 1.6 | Kaedah Kajian | 7 |
| | | 1.6.1 Rangka Kerja Perkhidmatan Ekosistem (ES) | 8 |
| | | 1.6.2 Perbincangan Kumpulan Berfokus (FGD) | 8 |
| | | | |
| **BAB 2** | **RINGKASAN EKSEKUTIF** | | |
| | 2.1 | Ringkasan Eksekutif | 12 |
| | | | |
| **BAB 3** | **LAPORAN SIA** | | |
| | 3.1 | Huraian Pihak Berkepentingan Dalam Kajian SIA Di HSK Negeri Johor | 14 |
| | | 3.1.1 Kerajaan | 14 |
| | | 3.1.2 Masyarakat | 14 |
| | 3.2 | Profil Asas Sosioekonomi Dan Budaya | 14 |
| | | 3.2.1 Maklumat Sosioekonomi Penduduk Yang Tinggal Bersempadanan Dengan HSK | 14 |
| | | 3.2.2 Maklumat Sosioekonomi Masyarakat Orang Asli Yang Tinggal Bersempadanan Dengan HSK | 18 |
| | | 3.2.3 Kebergantungan Penduduk Perkampungan Terhadap Sumber Hutan | 21 |
| | | 3.2.4 Kebergantungan Masyarakat Orang Asli Terhadap Sumber Hutan | 24 |

3.2.5 Maklumat Tentang Konflik Antara Penduduk Dan HSK 25
3.3 Penilaian Impak Sosial 27
3.3.1 Impak Sosial Terhadap Bekalan Dan Kualiti Air 28
3.3.2 Impak Sosial HSK Terhadap Ekonomi Tempatan 32
3.3.3 Impak Sosial HSK Terhadap Kehidupan Sosial Penduduk Setempat 34
3.3.4 Kepentingan Ekopelancongan Dalam HSK 39
3.3.5 Kepuasan Responden Terhadap Pengurusan HSK 40
3.4 Perbincangan Kesan Impak Sosial Akibat Aktiviti Dan Pengurusan HSK Di Negeri Johor 41
3.4.1 Impak Positif 41
3.4.2 Impak Negatif 42
3.5 Langkah-Langkah Mitigasi 43
3.5.1 Cadangan Aktiviti Pemantauan 45
3.5.2 Pengukuran Pencapaian Aktiviti Pemantuan Dan Mitigasi 46
3.5.3 Pemantauan Impak 47
3.5.4 Teknik Pemantauan 47
3.5.5 Mengurus Impak Luar Jangka 48
3.7 Kesimpulan 48

**RUJUKAN** 49
**LAMPIRAN** 51

## SENARAI JADUAL


| | | |
|---|---|---|
| Jadual 3.1 | Latar Belakang Penduduk Di Sekitar Kawasan HSK Di Johor | 15 |
| Jadual 3.2 | Latar Belakang Orang Asli Di Sekitar Kawasan HSK Di Johor | 18 |
| Jadual 3.3 | Persepsi Mengenai Tahap Kepuasan Responden Penduduk Kampung Terhadap Kegiatan Ekopelancongan | 31 |
| Jadual 3.4 | Persepsi Mengenai Tahap Kepuasan Responden Orang Asli Terhadap Kegiatan Ekopelancongan | 31 |
| Jadual 3.5 | Persepsi Mengenai Tahap Kepuasan Penduduk Terhadap Kegiatan Ekopelancongan | 32 |
| Jadual 3.6 | Persepsi Mengenai Tahap Kepuasan Masyarakat Orang Asli Terhadap Kegiatan Ekopelancongan | 33 |
| Jadual 3.7 | Persepsi Mengenai Tahap Kepuasan Responden Terhadap Kegiatan Ekopelancongan | 34 |
| Jadual 3.8 | Persepsi Mengenai Tahap Kepuasan Responden Terhadap Kegiatan Ekopelancongan | 39 |
| Jadual 3.9 | Persepsi Penduduk Tentang Kepentingan Ekopelancongan Dalam Hutan Simpan Dalam Kehidupan Harian Anda Dan Generasi Akan Datang | 39 |
| Jadual 3.10 | Persepsi Orang Asli Tentang Kepentingan Ekopelancongan Dalam Hutan Simpan Dalam Kehidupan Harian Anda Dan Generasi Akan Datang | 40 |
| Jadual 3.11 | Keterangan Penduduk Tentang HSK | 40 |
| Jadual 3.12 | Keterangan Orang Asli Tentang HSK | 41 |
| Jadual 3.13 | Kesan Positif Kewujudan Persekitaran HSK Bersempadanan Penempatan Responden Ke Atas Kehidupan Seharian | 41 |
| Jadual 3.14 | Kesan Positif Kewujudan Persekitaran HSK Bersempadanan Penempatan Responden Ke Atas Kehidupan Seharian | 42 |

| | | |
|---|---|---|
| Jadual 3.15 | Kesan Negatif Kewujudan Persekitaran HSK Bersempadanan Penempatan Responden Ke Atas Kehidupan Seharian | 42 |
| Jadual 3.16 | Kesan Negatif Kewujudan Persekitaran HSK Bersempadanan Penempatan Responden Ke Atas Kehidupan Seharian | 43 |

## SENARAI RAJAH

| | | |
|---|---|---|
| Rajah 1.1 | Proses SIA | 4 |
| Rajah 3.1 | Pergantungan Terhadap HSK Terdekat Untuk Saraan Hidup Oleh Penduduk | 22 |
| Rajah 3.2 | Aktiviti Ekonomi Penduduk Berkaitan Hutan | 23 |
| Rajah 3.3 | Jarak Kediaman Penduduk Ke HSK | 24 |
| Rajah 3.4 | Pergantungan Terhadap HSK Terdekat Untuk Saraan Hidup Oleh Orang Asli | 25 |
| Rajah 3.5 | Aktiviti Ekonomi Orang Asli Berkaitan Hutan | 25 |
| Rajah 3.6 | Kesedaran Penduduk Terhadap Kewujudan Persekitaran HSK Bersempadanan Dengan Penempatan | 26 |
| Rajah 3.7 | Kesedaran Orang Asli Terhadap Kewujudan Persekitaran HSK Bersempadanan Dengan Penempatan | 26 |
| Rajah 3.8 | Jenis Aktiviti Yang Dijalankan Di Kawasan Penduduk | 27 |
| Rajah 3.9 | Jenis Aktiviti Yang Dijalankan Di Kawasan Orang Asli | 28 |
| Rajah 3.10 | Kesan Yang Dialami Oleh Penduduk | 28 |
| Rajah 3.11 | Kualiti Udara Dan Iklim Di Kawasan Penduduk | 29 |
| Rajah 3.12 | Penjejasan Bekalan Air Disebabkan Aktiviti Pengurusan Hutan | 29 |
| Rajah 3.13 | Kesan Alam Sekitar Yang Dialami Oleh Orang Asli | 30 |
| Rajah 3.14 | Kualiti Udara Dan Iklim Di Kawasan Orang Asli | 30 |

| | | |
|---|---|---|
| Rajah 3.15 | Penjejasan Bekalan Air Disebabkan Aktiviti Pengurusan Hutan | 31 |
| Rajah 3.16 | Cara Bagaimana Maklumat Tawaran Pekerjaan Hutan Sampai Kepada Penduduk | 32 |
| Rajah 3.17 | Cara Maklumat Tawaran Pekerjaan Hutan Disampaikan Kepada Masyarakat Orang Asli | 33 |
| Rajah 3.18 | Kesan Perubahan Disebabkan Jalan Balak Terhadap Penduduk | 35 |
| Rajah 3.19 | Pendapat Responden Tentang Kesan Aktiviti Pengurusan Hutan Ke Atas Keindahan Hutan | 36 |
| Rajah 3.20 | Kesan Perubahan Disebabkan Jalan Balak Terhadap Orang Asli | 36 |
| Rajah 3.21 | Pendapat Orang Asli Tentang Kesan Aktiviti Perhutanan Ke Atas Keindahan Hutan | 37 |
| Rajah 3.22 | Kesan Aktiviti Ke Atas Tanah Komuniti Orang Asli | 38 |

## SENARAI PETA

| | | |
|---|---|---|
| Peta 1.1 | Peta HSK Negeri Johor | 5 |

## SENARAI LAMPIRAN

| | | |
|---|---|---|
| Lampiran 1 | Borang Soal Selidik | 51 |
| Lampiran 2 | Senarai Kehadiran Peserta FGD | 64 |
| Lampiran 3 | Borang Perbincangan FGD | 65 |

## SINGKATAN

| | |
|---|---|
| cm | *Centimeter* |
| EIA | *Environmental Impact Assessment* |
| FELCRA | Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan |
| FGD | Kumpulan Perbincangan Fokus |
| FMU | *Forest Management Unit* |
| GEC | *Global Environment Centre* |
| ha | Hektar |
| HS | Hutan Simpan |
| HSK | Hutan Simpanan Kekal |
| JAKOA | Jabatan Kemajuan Orang Asli |
| JAS | Jabatan Alam Sekitar |
| JKKK | Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung |
| JPNJ | Jabatan Perhutanan Negeri Johor |
| JPS | Jabatan Pengairan dan Saliran |
| MPOB | Lembaga Minyak Sawit Malaysia |
| MC&I | *Malaysian Criteria and Indicators for Forest Management Certification* |
| NGO | Pertubuhan Bukan Kerajaan |
| PMR | Penilaian Menengah Rendah |
| RIL | pembalakan dengan kesan rendah |
| RISDA | Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah |
| RPH | Rancangan Pengurusan Hutan |
| SIA | Penilaian Impak Sosial |
| SGDs | *Sustainable Development Goals* |
| SOP | Prosedur Operasi Standard |
| SPM | Sijil Pelajaran Malaysia |
| SRP | Sijil Rendah Pelajaran |

# BAB 1
# PENGENALAN

## 1.1 Pengenalan Penilaian Impak Sosial (SIA)

Penilaian Impak Sosial atau Social Impact Assessment (SIA) merupakan aspek kemanusian yang diambil kira dalam penilaian keseimbangan ekosistem persekitaran kerana ia merupakan sebahagian daripada komponen persekitaran. Manusia yang merupakan penghuni ekosistem persekitaran merupakan komponen alam paling penting kerana setiap perubahan yang berlaku ke atas ekosistem persekitaran akhirnya akan mempengaruhi kehidupan manusia. Keperluan bagi pelaksanaan SIA dalam sesuatu projek pembangunan atau penilaian impak ekosistem persekitaran amat penting bagi meastikan keseimbangan dan kesejahteraan serta kualiti hidup manusia akan terus terjamin dan lestari. Komuniti yang menjadi sasaran SIA adalah penduduk tempatan dan Orang Asli dimana mereka menerima impak secara langsung daripada operasi pengurusan hutan. Perbincangan juga turut diadakan bersama penerima impak secara tidak langsung bagi mendegar pendapat serta cadangan mereka.

## 1.2 Konteks SIA

### 1.2.1 Kaitan Antara Operasi Pengurusan Hutan Dan Orang Asli/Komuniti Tempatan

Operasi pengurusan hutan merupakan satu aktiviti yang dijalankan di kawasan Hutan Simpanan Kekal (HSK) di mana aktiviti tersebut akan memberi kesan kepada ekonomi, alam sekitar dan sosial. Hutan memainkan peranan sebagai pelindung dan pengekal untuk kestabilan alam sekitar dan menjadi sesuatu yang penting khususnya kepada Orang Asli dan komuniti tempatan. Oleh itu, setiap aktiviti yang dilaksanakan perlulah mematuhi kepada keperluan seperti pembalakan dengan impak rendah (RIL) di semua jenis kawasan hutan pengeluaran kayu dengan memberi komitmen terhadap pengunaan kayu secara maksimum dan meminimumkan sisa bagi mengurangkan kerosakan terhadap alam sekitar.

Di pinggir HSK, kebiasaannya diduduki oleh komuniti tempatan dan perkampungan Orang Asli berada di dalam hutan atau di pinggir HSK. kebanyakan komuniti Orang Asli melakukan aktiviti ekonomi di hutan bagi menyara hidup dan tujuan sosiobudaya seperti mengumpul hasil hutan, memburu dan membina tempat pengebumian. Selain itu, masih ramai komuniti Orang Asli dan tempatan bergantung kepada bekalan air dari HSK untuk tujuan kegunaan harian atau pertanian.

Setiap aktiviti yang dijalankan di HSK boleh memberikan kesan positif dan negatif kepada komuniti Orang Asli dan tempatan. Antara kesan positif yang

diterima oleh komuniti tersebut adalah peluang pekerjaan, menjalankan perniagaan dan penambahbaikan bagi jalan masuk kampung manakala terdedah kepada pelbagai pencemaran, kemusnahan kawasan pertanian, kawasan buah-buahan dan tempat pengebumian merupakan kesan negatif yang perlu dihadapi.

### 1.2.2 Kaitan SIA Dengan Operasi Pengurusan Hutan

*Malaysian Criteria and Indicators for Forest Management Certification* (MC&I) telah mengiktiraf kepentingan SIA terhadap operasi pengurusan hutan seperti yang dinyatakan dalam Prinsip 4 iaitu operasi-operasi pengurusan hutan mesti mengekalkan atau menambah kesejahteraan sosial dan ekonomi pekerja-pekerja hutan dan masyarakat tempatan untuk jangka masa panjang. Prinsip 8 menetapkan pemantauan mesti dijalankan bersesuaian dengan skala dan intensiti pengurusan hutan.

### 1.2.3 Carta Alir Pelaksanaan SIA

Proses pengendalian SIA dengan carian penerbitan untuk mengumpul maklumat berkenaan komuniti Orang Asli/tempatan di dalam dan di pinggir HSK yang bertujuan untuk mengetahui latar belakang, profil sosioekonomi, budaya, dan infrastruktur komuniti. Bilangan komuniti dipilih secara rawak. Survei dijalankan bagi menghasilkan data yang diperlukan untuk penilaian impak sosial menggunakan borang soal selidik.

Proses SIA diringkaskan di bawah dan ditunjukkan dalam **Rajah 1.1**:

i. Carian penerbitan ke atas komuniti di dalam dan pinggir HSK:
    a. Bilangan dan lokasi;
    b. Latar belakang;
    c. Profil sosioekonomi dan budaya; dan
    d. Infrastruktur komuniti.
ii. Pemilihan komuniti untuk ditemubual;
iii. Mengendalikan temubual atas talian termasuklah temubual melalui *Google Meet*;
iv. Menganalisis data untuk mengenalpasti impak-impak sosial;
v. Mengenalpasti dan menentukan langkah-langkah mitigasi dan peningkatan;
vi. Pemantauan pematuhan, impak mitigasi serta peningkatan; dan
vii. Menguruskan impak luar jangka.




**Rajah 1.1: Proses SIA**

### 1.2.4 Skop SIA

Dalam garis panduan ini, skop SIA akan meliputi latar belakang pematuhan *Forest Management Unit* (FMU) dengan peraturan yang relevan dengan keperluan MC&I terutamanya mengenai kesan sosial pengurusan hutan.

## 1.3 Maklumat Ringkas Penduduk Dan Lokasi Penempatan Di Dalam Dan Berdekatan Dengan HSK

Pada tahun 2021, negeri Johor mempunyai keluasan HSK sebanyak 334,292.46 ha yang meliputi 17% dari luas tanahnya yang berjumlah lebih kurang 1,916,600 ha (JPNJ, 2021). Oleh itu, penduduk tempatan dan Orang Asli yang berada berhampiran hutan dalam lingkungan 5 km telah dipilih untuk disoal jawab. Hutan-hutan yang terlibat ini terletak di Daerah Johor Selatan, Johor Utara, Johor Tengah dan Johor Timur. Hampir keseluruhan mukim di daerah tersebut telah dipilih untuk menjalankan kajian.




Sumber: JPNJ (2021)

**Peta 1.1: Peta HSK Negeri Johor**

## 1.4 Objektif Kajian

Secara keseluruhan, kajian ini bertujuan untuk menyediakan maklumat asas untuk tujuan Kajian Penilaian Impak Sosial Operasi Pengurusan HSK di Negeri Johor.

Objektif khusus kajian ini adalah:

a. Menyediakan tinjauan kepustakaan (literature review) dari kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan ekonomi, perhutanan, ekopelancongan, kewangan dan lain-lain untuk mendapatkan maklumat asas, penemuan-penemuan kajian, ketetapan dasar dan lain-lain;
b. Membuat penilaian ke atas dokumen Rancangan Pengurusan Hutan Negeri Johor 2021-2030 dan lain-lain dokumen pengurusan yang berkaitan;
c. Untuk mengenalpasti, meramal, menilai dan menyampaikan maklumat berkaitan dan mencadangkan langkah-langkah mitigasi yang perlu diambil bagi mencapai matlamat dan objektif Laporan Penilaian Impak Sosial yang telah ditetapkan.

## 1.5 Keperluan Kajian Dalam Pemantuhan Pensijilan Perhutanan (MC&I) *Sustainable Forest Management* (SFM)

Sustainable Forest Management (SFM) kaedah pengusahasilan yang seimbang dari segi sosial, ekologi yang kukuh dan berdaya maju dari segi ekonomi - tiga tonggak kemampanan. Takrifan SFM oleh Forest Europe dan diterima oleh UN Food and Agriculture Organization (FAO) adalah seperti berikut:

> "*The stewardship and use of forests and forest lands in a way, and at a rate, that maintains their biodiversity, productivity, regeneration capacity, vitality and their potential to fulfil, now and in the future, relevant ecological, economic and social functions, at local, national, and global levels, and that does not cause damage to other ecosystems.*"

Memandangkan kepentingan hutan kepada planet ini, pengurusan mampan adalah penting untuk memastikan permintaan masyarakat tidak menjejaskan sumber. Pengurusan hutan lestari menawarkan pendekatan holistik untuk memastikan aktiviti hutan memberikan faedah sosial, alam sekitar dan ekonomi, mengimbangi keperluan yang bersaing dan mengekalkan serta meningkatkan fungsi hutan pada masa kini dan akan datang. Pensijilan hutan seperti MC&I adalah alat untuk membuktikan perkhidmatan ini dan menghubungkan pengguna dengan asal usul produk mereka yang mampan.

MC&I ialah instrumen berasaskan pasaran sukarela, dilaksanakan melalui dua proses berasingan tetapi berkait: pensijilan pengurusan hutan mampan dan pensijilan rantaian jagaan. Pensijilan pengurusan hutan lestari memastikan bahawa hutan diurus selaras dengan keperluan alam sekitar, sosial dan ekonomi yang mencabar. Pensijilan rantaian jagaan menjejaki produk berasaskan hutan daripada sumber mampan kepada produk akhir. Ia menunjukkan bahawa setiap langkah rantaian bekalan dipantau dengan teliti melalui pengauditan bebas untuk memastikan sumber yang tidak mampan dikecualikan.

MC&I adalah penting dalam menyediakan bukti pengurusan hutan yang mampan. Ia membolehkan pemilik dan pengurus hutan untuk menunjukkan bahawa amalan yang mereka gunakan dalam hutan hari ini adalah mampan dan bahawa hutan mereka memenuhi kedua-dua keperluan samasa dan generasi akan datang. MC&I juga bertindak sebagai pemboleh kemampanan, memperkasakan pengguna dan syarikat untuk memilih produk bersumberkan mampan, memberi ganjaran kepada pemilik hutan

yang bertanggungjawab dan mewujudkan insentif untuk pemilik hutan yang tidak disahkan untuk mendapatkan pensijilan.

MC&I meningkatkan nilai hutan dengan membina kepercayaan pengguna, dan oleh itu mewujudkan permintaan tambahan, untuk hasil hutan. Mewujudkan nilai tambahan dan permintaan untuk hasil hutan adalah salah satu cara terbaik untuk mengekalkan hutan, kerana ia menghalangnya daripada ditebang untuk kegunaan tanah alternatif seperti pertanian. Semakin banyak MC&I adalah prasyarat untuk menjalankan perniagaan dan bahan hutan yang diperakui semakin banyak diminta dalam dasar perolehan di seluruh dunia.

## 1.6 Kaedah Kajian

Kajian SIA merangkumi data dari dua sumber utama. Pendekatan pertama adalah pengumpulan data di lapangan dan secara atas talian. Pengumpulan data primer dilakukan melalui kaedah soal selidik dan pemerhatian di lapangan. Secara umum, pengumpulan data primer melibatkan penggunaan borang soal selidik untuk teknik pensampelan survei. Sampel kajian ini adalah responden yang terdiri daripada penduduk di sekitar kawasan HSK dan penduduk Orang Asli.

Yang kedua adalah data sekunder yang dikumpulkan dari pihak ketiga seperti jabatan negeri, institusi, organisasi swasta dan lain-lain. Pihak ketiga telah menyimpan dan mentafsirkan maklumat asal seperti data primer. Dalam kajian ini, data sekunder diperolehi daripada JPNJ, Penghulu Mukim, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dan beberapa agensi berkaitan.

Selain itu, projek penilaian impak sosial ini menyesuaikan rangka kerja perkhidmatan ekosistem (perkhidmatan pembekalan, kawal atur, habitat, dan kebudayaan dan kemudahan). Perbincangan kumpulan berfokus (FGD) telah dijalankan melibatkan pemain utama industri yang berkaitan dengan pengurusan hutan. Mereka merangkumi Jabatan Perhutanan Negeri Johor, JAKOA, Pihak Berkuasa Tempatan Johor, Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS), Global Environment Centre, Persatuan / kelab Pelancongan Johor: Persatuan Malim Gunung Johor: Persatuan pemandu pelancong (JCNTGA), Pejabat Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia Negeri Johor, Koperasi Sri Sekawan Kulai Berhad dan Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA).

### 1.6.1 Rangka Kerja Perkhidmatan Ekosistem (ES)

Pendekatan ES dalam Penilaian Impak Sosial adalah strategi penting untuk mempromosikan pembangunan lestari.

Perkhidmatan ekosistem (ES) merupakan faedah yang disediakan oleh ekosistem yang memberi sumbangan kepada kesejahteraan hidup manusia (Mohd Azmeer, 2020) dan mencerminkan hubungan yang berlaku antara manusia dan alam sekitar.

Kerangka konseptual berdasarkan proses penyertaan menjelaskan hubungan antara bahagian permintaan komuniti (merujuk kepada kesan sosial konstitutif dan indikatif) dan bahagian bekalan ekologi (ES) sebagai panduan kepada proses tadbir urus adaptif (Karrash, 2016).




### 1.6.2 Perbincangan Kumpulan Berfokus (FGD)

FGD ditakrifkan sebagai perbincangan santai yang mana sekumpulan individu berkumpul pada masa dan tempat yang ditetapkan untuk berbincang secara bersemuka bagi mempercambahkan pelbagai idea dan mewujudkan mekanisme pembentukan pendapat. Ia dikategorikan sebagai kaedah kajian kualitatif yang membolehkan pengkaji memperoleh data yang sah dan boleh dipercayai dalam tempoh masa yang singkat (Babbie, 2013). FGD sesuai untuk meneroka pengalaman, pendapat, kehendak dan kebimbangan orang ramai. Perbezaan antara FGD dan kaedah penyelidikan lain seperti temu bual ialah, berbanding mengemukakan

soalan khusus untuk individu, FGD menggalakkan peserta berkomunikasi antara satu sama lain, berkongsi pendapat, mengulas antara satu sama lain dan bertukar pengalaman dan pandangan. Kajian etnografi yang mendalam dilaksanakan untuk menangani isu budaya yang luas, manakala FGD sebaliknya sesuai untuk kajian tentang sikap dan pengalaman subjek tertentu. Lazimnya, peserta FGD dipilih berdasarkan kepakaran, kemahiran, pengetahuan dan penglibatan semasa mereka dengan topik penyelidikan. Seorang moderator yang terlatih, dengan pengetahuan latar belakang yang baik tentang topik penyelidikan akan mengetuai dan menjalankannya secara santai. Penglibatan moderator adalah minimum, iaitu hanya sebagai pemandu yang menggalakkan peserta berdebat, membincangkan isu-isu dan memastikan perbincangan tidak tersasar daripada topik perbincangan yang telah ditetapkan.

## Menentukan Moderator FGD

Peranan moderator adalah sangat penting bagi menjayakan pelaksanaan FGD (Travers, 2006). Moderator FGD yang dipilih mestilah mempunyai kriteria berikut:

i. Mempunyai kemahiran yang mencukupi dalam menjalankan FGD untuk memastikan prosiding dijalankan ke arah mencapai matlamat dan objektif kumpulan fokus untuk penyelidikan tertentu;
ii. Menjalankan kawalan yang tidak mengganggu dan secara sederhana. Hal ini adalah untuk memastikan bahawa peserta bebas menyatakan pendapat mereka tanpa dipengaruhi oleh pertimbangan moderator sendiri; dan
iii. Memiliki kemahiran untuk menggalakkan interaksi, menyiasat untuk mendapatkan butiran apabila perlu, memastikan semua orang mempunyai peluang untuk bercakap dan memastikan bahawa perbincangan tetap terarah kepada topik perbincangan yang telah ditetapkan.

## Menentukan Ahli Panel FGD

Tidak dikhususkan bilangan ahli panel FGD. Sorotan literasi menyatakan bahawa bilangan ahli panel FGD adalah antara 5 hingga 15 orang (Babbie, 2013). Mereka terdiri daripada pemain utama dalam pembangunan tanah dan sungai, pakar dalam bidang alam sekitar, sosial dan ekonomi berkaitan dan pembuat keputusan yang dijemput secara rawak ke sesi itu melalui pengumuman media sosial dan jemputan rasmi yang dihantar kepada individu atau kumpulan seperti NGO atau persatuan penduduk.

Dalam kajian FGD ini, kriteria pakar adalah seperti berikut:

i. Dari segi pengetahuan, ahli panel harus memiliki sekurang-kurangnya ijazah dalam bidang berkaitan amalan pembangunan guna tanah, pemantauan sungai dan pemuliharaan serta lain-lain yang berkaitan; dan
ii. Mempunyai kemahiran yang merujuk kepada kebolehan mereka membuat pertimbangan yang wajar berdasarkan: 1) pengetahuan dan pengalaman dalam penggunaan tanah, pembangunan sosial dan ekonomi seperti dasar, perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan lain-lain; atau 2) bukti kepakaran seperti penyelidikan, penerbitan, dan jawatan; dan
iii. Ahli panel dapat memahami matlamat dan objektif penyelidikan.

**<u>Proses FGD</u>**

FGD telah dijalankan di Hotel Thistle Johor pada 13 Februari 2022 bermula pukul 9.30 pagi hingga 4 petang. Para peserta telah ditanya tentang rancangan mitigasi yang berkaitan dengan perkhidmatan ekosistem empat (perkhidmatan pembekalan, kawal atur, habitat/perkhidmatan sokongan, budaya dan rekreasi. Peserta dibahagikan kepada 3 kumpulan dengan kira-kira 6 peserta, masing-masing. Moderator telah ditugaskan untuk setiap kumpulan adalah i) Prof. Dr. Ahmad Bin Shuib ii) Prof. Madya Dr. Syamsul Herman Bin Mohammad Afandi dan iii) Dr. Nitanan Koshy Matthew.

1) FGD dimulakan dengan pengenalan ringkas mengenai integrasi perkhidmatan ekosistem ke dalam rangka kerja SIA dan tujuan FGD: “Langkah Mitigasi Bagi Kepelbagaian Impak Pengurusan HSK Di Johor Terhadap Perkhidmatan Ekosistem”, serta ucapan aluan;
2) Kemudian, ketua pasukan SIA berkongsi dapatan tinjauan kepada i) masyarakat setempat ii) Masyarakat Orang Asli yang tinggal berhampiran HSK di Johor;
3) Sesi pertama FGD dimulakan dengan perbincangan berdasarkan soalan terbuka sebagai temu bual separa berstruktur. Ia berlangsung selama 2 jam. Semasa waktu rehat antara pukul 12 tengahari hingga 3 petang, maklum balas daripada peserta dianalisis secara manual untuk menentukan respons-respon yang serupa. Selepas waktu rehat, para peserta dibentangkan semula respon-respon serupa tersebut untuk perbincangan yang lebih terperinci dalam kumpulan masing-masing; dan
4) Sesi kedua FGD telah berkongsi rumusan dapatan daripada ketiga-tiga kumpulan tersebut. Para peserta diminta menyemak semula perkara berdasarkan i) isu ii) usaha mitigasi. Selain itu, mereka ditanya mengenai mana-mana perkara baharu yang dianggap penting.

# BAB 2
# RINGKASAN EKSEKUTIF

## 2.1 Ringkasan Eksekutif

Di negeri Johor, beberapa kawasan di Daerah Pentadbiran Segamat, Kluang, Mersing, Kota Tinggi dan Muar telah diramalkan mengalami impak sosial yang ketara disebabkan operasi pengurusan keatas HSK yang berhampiran. Namun begitu, satu kajian impak sosial telah diadakan untuk mengenalpasti jenis-jenis impak sosial di kawasan yang disenaraikan di atas. Berdasarkan analisis data dan maklumat sekunder daripada pihak JPNJ dan agensi yang berkaitan, impak sosial dinilai. Data dan maklumat sekunder ini dilengkapi dengan data primer perolehan bancian atas talian sampel penduduk dan bancian bersemuka sampel masyarakat Orang Asli di kawasan yang terlibat. Data dan maklumat ini dianalisis untuk menghasilkan perbincangan impak positif dan negatif kesan operasi pengurusan hutan di negeri Johor.

Secara umumnya, masyarakat tempatan yang terlibat di kawasan kajian berpuas hati dengan tindakan FMU untuk mengatasi masalah impak sosial sama ada negatif mahupun positif. Tumpuan penilaian diberikan ke atas impak operasi pengurusan HSK dari segi ekonomi, alam sekitar dan sosial. Beberapa aktiviti operasi pengurusan hutan dicerap dari bancian yang dijalankan seperti aktiviti pengusahasilan dan aktiviti ekopelancongan. Masyarakat tempatan bersetuju bahawa kewujudan persekitaran HSK yang bersempadanan dengan penempatan mereka memberi impak positif dalam memperkenalkan kebudayaan setempat serta menjadikan kawasan mereka maju sebagai tempat ekopelancongan. Namun begitu, kesan negatif seperti kekurangan tanah untuk pertanian juga dikenalpasti.

Impak-impak positif mendominasi senario operasi pengurusan hutan berbanding dengan impak negatif; ini menggambarkan kesan dan pengaruh baik kepada kualiti kehidupan penduduk yang sedia ada dan yang akan datang. Oleh itu, kaedah mitigasi yang cekap amat menyumbang kepada penghasilan impak-impak positif ini.

# BAB 3
# LAPORAN UTAMA

## 3.1 Huraian Pihak Berkepentingan Dalam Kajian SIA Di HSK Negeri Johor

### 3.1.1 Kerajaan

Negeri Johor berada dalam tahap pembangunan dan kemajuan yang pesat. Ini sedikit sebanyak memberi kesan negatif kepada ekosistem hutan Negeri Johor. Walaubagaimanapun pihak Jabatan Perhutanan Negeri Johor (JPNJ) sedang berusaha melindungi dan mengurus HSK di bawah sistem Pengurusan Hutan secara Sistematik [Systematic Forest Management (SFM)], di kawasan hutan yang kian berkurangan. JPNJ kini menyedari banyak halangan dan cabaran dalam pengurusan HSK. Pendekatan pengurusan pada masa hadapan mestilah holistik dan bersepadu, seharusnya mengambil kira keperluan dan kepentingan semua pihak yang terlibat dalam perhutanan (stakeholders). Selain daripada itu, kaedah tersebut mestilah dipantau dengan menggunakan kaedah analisis yang dipermudahkan. Oleh itu kepentingan kepelbagaian-bio (biodiversity) dan ekosistem hutan perlu dititikberatkan dan diambil kira dalam sebarang usaha pengurusan.

### 3.1.2 Masyarakat

Pensijilan pengurusan hutan membantu mengurangkan proses penyahhutanan, melindungi kawasan tadahan dan kualiti air, memulihara alam sekitar dan mengekalkan kelangsungan sumber daya hutan serta meningkatkan ekonomi bagi penduduk setempat yang bergantung pada hasil hutan. HSK menjadi punca air kepada penduduk di pekan yang berdekatan. HSK juga merupakan kawasan riadah penduduk setempat. Program pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar serta penglibatan penduduk dalam pembangunan pelancongan diperlukan pada masa sekarang untuk mencapai matlamat pengurusan HSK.

## 3.2 Profil Asas Sosioekonomi Dan Budaya

### 3.2.1 Maklumat Sosioekonomi Penduduk Yang Tinggal Bersempadanan Dengan HSK

Seramai 263 orang responden di kalangan penduduk di sekitar kawasan HSK di Johor telah ditemubual. Kesemua maklumat demografi responden ditunjukkan pada **Jadual 3.1**. Majoriti responden seramai 174 orang (66.2%) merupakan kaum lelaki. Kebanyakan responden berumur dalam lingkungan 36 - 50 tahun. Majoriti responden seramai 122 orang (46.4%) menghabiskan pendidikan sehingga ke sekolah menengah; 58 responden

(22.1%) mencapai pendidikan lanjutan. Sebanyak 86.3% daripada responden telah berkahwin dan majoriti responden, 43.0%, orang Melayu Sebahagian besar responden, 86.7%, mempunyai pekerjaan tetap dengan majoriti iaitu seramai 64 orang (24.3%) berpendapatan bulanan di antara RM1,001 - RM1,500; manakala kebanyakan responden (67.7%) menyatakan mempunyai pendapatan bulanan isi rumah yang melebihi RM3000. Seramai 216 orang responden (82.1%) menggunakan konkrit sebagai bahan utama untuk pembinaan tempat kediaman; majoriti responden, 88.3%, menyatakan memiliki motosikal sebagai kenderaan utama, ini diikuti dengan pemilikan kereta oleh 60.1% responden.

**Jadual 3.1: Latar Belakang Penduduk Di Sekitar Kawasan HSK Di Johor**

| **Demografi** | |
|---|---|
| **Jantina** |  **Lelaki 66.2%**  **Perempuan 33.8%** |
| **Status Perkahwinan** |  **Bujang 12.2%**  **Berkahwin 86.3%**  **Ibu/Bapa tunggal 1.5%** |
| **Tahap Pendidikan** |   |

| Demografi | |
|---|---|
| **Etnik** |   |
| **Umur (Tahun)** |   |
| **Pekerjaan** |   |

| Demografi | |
|---|---|
| **Pendapatan Bulanan Responden (RM)** |  |
| **Pendapatan Bulanan Isi Rumah (RM)** |  |
| **Bahan Binaan Utama Untuk Kediaman** |  |

| Demografi | |
|---|---|
| **Jenis Pengangkutan Responden** |   |

### 3.2.2 Maklumat Sosioekonomi Masyarakat Orang Asli Yang Tinggal Bersempadanan Dengan HSK

Maklumat demografi responden Orang Asli ditunjukkan pada **Jadual 3.2**. Majoriti responden (61.1%) adalah kaum lelaki. Kebanyakan mereka berumur dalam lingkungan 35-50 tahun (43.1%). Majoriti responden (54.2%) tidak mendapat pendidikan formal. Didapati 73.6% daripada responden telah berkahwin. Sebahagian besar responden, 76.4%, memiliki pekerjaan utama dengan majoriti responden, 56.9%, berpendapatan bulanan di antara RM500 - RM1,000 manakala kebanyakan responden, 65.3%, memperolehi pendapatan isi rumah antara RM500 - RM1,000 sebulan. Hampir keseluruhan responden, 98.6%, menggunakan konkrit sebagai bahan utama untuk pembinaan kediaman; majoriti 97.2%, memiliki motosikal sebagai kenderaan utama diikuti dengan pemilikan kereta oleh 70.8% responden.

**Jadual 3.2: Latar Belakang Orang Asli Di Sekitar Kawasan HSK Di Johor**

| Demografi | | |
|---|---|---|
| **Jantina** |  **Lelaki 61.1%** |  **Perempuan 38.9%** |
| **Status Perkahwinan** |  **Bujang 13.9%** |  **Berkahwin 73.6%** |

| Demografi | |
|---|---|
| |  **Ibu/Bapa tunggal**<br>**12.5%** |
| **Tahap Pendidikan** |  |
| **Umur (Tahun)** |  |
| **Pekerjaan** |  |

<table>
<tr><th colspan="2">Demografi</th></tr>
<tr><td>Pendapatan Bulanan Responden (RM)</td><td>
</td></tr>
<tr><td>Pendapatan Bulanan Isi Rumah (RM)</td><td>
</td></tr>
<tr><td>Bahan Binaan Utama Untuk Kediaman</td><td>
</td></tr>
</table>

| Demografi | |
|---|---|
| **Jenis Pengangkutan Responden** |   |

### 3.2.3 Kebergantungan Penduduk Perkampungan Terhadap Sumber Hutan

**Rajah 3.1** menunjukkan kebergantungan penduduk terhadap hasil hutan. Kebanyakan penduduk, 77.9%, menjadikan hutan sebagai sumber bekalan air mentah (minum/mandi). Hanya segelintir sahaja penduduk tempatan (4.6%) yang masih terlibat dalam aktiviti pemujaan di hutan. Manakala **Rajah 3.2** menjelaskan bahawa lebih separuh daripada penduduk kampung, 50.2%, terlibat dengan aktiviti penyediaan inap desa (homestay) berasaskan hutan sebagai inisiatif untuk menjana pendapatan ekonomi; dinyatakan juga hanya segelintir sahaja penduduk (0.8%) yang masih terlibat dalam aktiviti penebangan kayu balak.




**Rajah 3.1: Pergantungan Terhadap HSK Terdekat Untuk Saraan Hidup Oleh Penduduk**




**Rajah 3.2: Aktiviti Ekonomi Penduduk Berkaitan Hutan**




**Rajah 3.3: Jarak Kediaman Penduduk Ke HSK**

Secara keseluruhan daripada jumlah keseluruhan, 86.7% rumah kediaman penduduk setempat terletak kurang daripada 5km daripada hutan simpan yang berdekatan.

### 3.2.4 Kebergantungan Masyarakat Orang Asli Terhadap Sumber Hutan

**Rajah 3.4** menunjukkan jenis kebergantungan masyarakat Orang Asli terhadap hasil hutan. Lebih separuh responden masyarakat Orang Asli (59.7%) tiada lagi pergantungan terhadap hutan. Hanya antara 1.4%-30.6% ahli masyarakat Orang Asli yang bergantung keatas sumber hutan seperti buluh, rotan, ikan, tumbuhan dan herba ubatan. Manakala **Rajah 3.5** menjelaskan bahawa majoriti ahli masyarakat Orang Asli (70.8%) masih terlibat dengan aktiviti berladang/pertanian pindah untuk menjana pendapatan ekonomi. Semua Orang Asli tinggal di dalam atau berdekatan dengan kawasan HSK.




**Rajah 3.4: Pergantungan Terhadap HSK Terdekat Untuk Saraan Hidup Oleh Orang Asli**




**Rajah 3.5: Aktiviti Ekonomi Orang Asli Berkaitan Hutan**

### 3.2.5 Maklumat Tentang Konflik Antara Penduduk Dan HSK

Seramai 70.3% penduduk yang ditemubual menyatakan bahawa mereka sedar akan kewujudan persekitaran HSK yang bersempadanan dengan penempatan mereka.




**Rajah 3.6: Kesedaran Penduduk Terhadap Kewujudan Persekitaran HSK Bersempadanan Dengan Penempatan**

Di kalangan masyarakat Orang Asli, 100%, menyatakan bahawa mereka sedar akan kewujudan persekitaran HSK yang bersempadanan dengan penempatan mereka.




**Rajah 3.7: Kesedaran Orang Asli Terhadap Kewujudan Persekitaran HSK Bersempadanan Dengan Penempatan**

Berdasarkan hasil temubual dan FDG yang telah dijalankan, konflik utama antara penduduk dan HSK di Negeri Johor ialah pencerobohan hutan oleh komuniti setempat dan pihak luar. Berdasarkan laporan yang diterima oleh JPNJ, terdapat peningkatan aktiviti pencerobohan hutan oleh komuniti setempat dan pihak luar pada kebelakangan ini. Selain daripada itu, dalam keadaan semasa, komuniti Orang Asli setempat masih bergantung keatas hasil hutan sebagai sumber pendapatan utama mereka. Pergantungan ini disarankan sebagai penyebab berlakunya isu-isu pencerohan oleh komuniti Orang Asli ke dalam HSK untuk mendapat sumber pendapatan.

## 3.3 Penilaian Impak Sosial

63.1% penduduk di sekitar hutan simpan menyatakan bahawa aktiviti yang banyak dijalankan di kawasan sekitar mereka adalah penanaman kelapa sawit, manakala 60.1% memilih aktiviti ekopelancongan sebagai aktiviti utama (**Rajah 3.8**).




**Rajah 3.8: Jenis Aktiviti Yang Dijalankan Di Kawasan Penduduk**

Bagi majoriti ahli masyarakat Orang Asli, 97.2%, menyatakan bahawa berhampiran kawasan kediaman mereka, penanaman kelapa sawit merupakan jenis aktiviti utama yang dijalankan, manakala 36.1% pula menyatakan ianya akitviti ekopelacongan (**Rajah 3.9**).




**Rajah 3.9: Jenis Aktiviti Yang Dijalankan Di Kawasan Orang Asli**

### 3.3.1 Impak Sosial Terhadap Bekalan Dan Kualiti Air

Penduduk di sekitar hutan simpan telah ditanya mengenai kesan yang dialami akibat operasi pengurusan hutan yang telah dijalankan; 56.7% daripada mereka setuju bahawa aktiviti tersebut memberi impak kepada pencemaran air sungai dengan 43.7% pula mengatakan yang air sungai menjadi keruh (**Rajah 3.10**).




**Rajah 3.10: Kesan Yang Dialami Oleh Penduduk**

Operasi pengurusan hutan juga dikatakan memberi impak positif kepada kualiti udara dan iklim, 76.8% penduduk di sekitar hutan simpan bersetuju dengan pernyataan bahawa kualiti udara mereka masih segar dan suhu persekitaran normal, di samping 73.4% bersetuju yang tahap pencemaran udara yang rendah (**Rajah 3.11**).




**Rajah 3.11: Kualiti Udara Dan Iklim Di Kawasan Penduduk**

Berkait juga dengan aktiviti pengurusan Hutan, 44.1% penduduk di sekitar hutan simpan bersetuju dengan pernyataan bahawa terjadi pengurangan kualiti dalam pembekalan air yang bersih untuk mandi dan membasuh, manakala 43.3% bersetuju yang pembekalan air untuk pertanian terjejas akibat aktiviti pengurusan hutan (**Rajah 3.12**).




**Rajah 3.12: Penjejasan Bekalan Air Disebabkan Aktiviti Pengurusan Hutan**

Masyarakat Orang Asli yang tinggal di sekitar hutan simpan telah ditanya mengenai kesan yang dialami akibat aktiviti pengurusan hutan yang dijalankan; 84.7% penduduk yang ditemubual setuju mengatakan bahawa aktiviti tersebut memberi impak keatas kualiti air sungai yang menjadi keruh dan 33.3% bersetuju dengan terjadinya pencemaran air sungai (**Rajah 3.13**).




**Rajah 3.13: Kesan Alam Sekitar Yang Dialami Oleh Orang Asli**

Kesemua (100%) ahli masyarakat Orang Asli berpendapat bahawa kualiti udara mereka masih segar dan suhu persekitaran normal (**Rajah 3.14**). Namun 85.0% ahli masyarakat juga berpendapat yang aktiviti pengurusan hutan yang dijalankan menjejaskan pembekalan air untuk pertanian (**Rajah 3.15**).




**Rajah 3.14: Kualiti Udara Dan Iklim Di Kawasan Orang Asli**




**Rajah 3.15: Penjejasan Bekalan Air Disebabkan Aktiviti Pengurusan Hutan**

Responden penduduk di sekitar hutan simpan berpendapat bahawa dalam masa beberapa tahun akan datang, masalah pencemaran akan berlaku disebabkan aktiviti pelancongan yang dijalankan terutama keatas kualiti air tasik. Nilai min keseluruhan bersamaan 3.38 (**Jadual 3.3**).

**Jadual 3.3: Persepsi Mengenai Tahap Kepuasan Responden Penduduk Kampung Terhadap Kegiatan Ekopelancongan**

| Bil | Persepsi | Min |
|---|---|---|
| **1** | Pada masa hadapan, masalah pencemaran akan berlaku disebabkan aktiviti pelancongan yang dijalankan | 3.43 |
| **2** | Pelancong menjaga kebersihan kawasan ekopelancongan | 3.41 |
| **3** | Aktiviti ekopelancongan mencemarkan kebersihan air tasik | 3.30 |
| | **Min Keseluruhan** | **3.38** |

Masyarakat Orang Asli berpendapat bahawa pada masa akan datang, pelancong akan menjaga kebersihan kawasan ekopelancongan walaupun akan terjadi pencemaran disebabkan aktiviti ekopelancongan. Nilai min keseluruhan menyamai 3.68 (**Jadual 3.4**).

**Jadual 3.4: Persepsi Mengenai Tahap Kepuasan Responden Orang Asli Terhadap Kegiatan Ekopelancongan**

| Bil | Persepsi | Min |
|---|---|---|
| **1** | Pelancong menjaga kebersihan kawasan ekopelancongan | 4.08 |
| **2** | Pada masa hadapan, masalah pencemaran akan berlaku disebabkan aktiviti pelancongan yang dijalankan | 3.76 |
| **3** | Aktiviti ekopelancongan mencemarkan kebersihan air tasik | 3.18 |
| | **Min Keseluruhan** | **3.68** |

### 3.3.2 Impak Sosial HSK Terhadap Ekonomi Tempatan

Sebanyak 60.5% penduduk di sekitar hutan simpan menyatakan bahawa tawaran pekerjaan sering dimaklumkan oleh kawan, saudara-mara dan peraih luar manakala sebanyak 54.4% penduduk menyatakan tawaran dimaklumkan langsung oleh Jabatan Perhutanan kepada komuniti (**Rajah 3.16**).




**Rajah 3.16: Cara Bagaimana Maklumat Tawaran Pekerjaan Hutan Sampai Kepada Penduduk**

Penduduk berpendapat akan terjadi pertambahan peluang pekerjaan di dalam sektor pelancongan yang akan membawa peningkatan pada taraf hidup penduduk. Namun mereka juga berpandangan hanya segelintir sahaja penduduk yang akan terlibat dengan aktiviti ekopelancongan yang dijalankan. Secara keseluruhan impak pembangunan ekopelanconagn mendapat min purata bernilai 3.63 (**Jadual 3.5**).

**Jadual 3.5: Persepsi Mengenai Tahap Kepuasan Penduduk Terhadap Kegiatan Ekopelancongan**

| Bil | Persepsi | Min |
|---|---|---|
| **1** | Peluang pekerjaan bertambah di sektor pelancongan | 3.76 |
| **2** | Kadar pengangguran berkurang | 3.75 |
| **3** | Lebih banyak infrastruktur disediakan | 3.73 |
| **4** | Segelintir penduduk sahaja yang terlibat dengan aktiviti ekopelancongan | 3.60 |
| **5** | Taraf hidup meningkat | 3.32 |
| | **Min Keseluruhan** | **3.63** |

Bagi masyarakat Orang Asli, 66.7% daripada mereka menyatakan bahawa tawaran pekerjaan hutan dimaklumkan oleh kawan, saudara-mara dan peraih luar manakala 23.6% pula menyatakan tawaran kekosongan pekerjaan disampaikan terus oleh JAKOA kepada komuniti Orang Asli (**Rajah 3.17**).




**Rajah 3.17: Cara Maklumat Tawaran Pekerjaan Hutan Disampaikan Kepada Masyarakat Orang Asli**

Masyarakat Orang Asli beranggapan akan terjadi peningkatan taraf hidup komuniti jika mereka melibatkan diri dengan aktiviti ekopelancongan, malah mereka sungguh percaya yang akan terjadi penurunan kadar pengangguran di kalangan ahli masyarakat. Pada keseluruhannya impak yang dipersetujui dari pembangunan ekopelancongan yang dijalankan mendapat min bernilai 4.66 (**Jadual 3.6**).

**Jadual 3.6: Persepsi Mengenai Tahap Kepuasan Masyarakat Orang Asli Terhadap Kegiatan Ekopelancongan**

| Bil | Persepsi | Min |
|---|---|---|
| **1** | Kadar pengangguran berkurang | 4.81 |
| **2** | Lebih banyak infrastruktur disediakan | 4.67 |
| **3** | Segelintir penduduk sahaja yang terlibat dengan aktiviti ekopelancongan | 4.65 |
| **4** | Peluang pekerjaan bertambah di sektor pelancongan | 4.61 |
| **5** | Taraf hidup meningkat | 4.54 |
| | **Min Keseluruhan** | **4.66** |

### 3.3.3 Impak Sosial HSK Terhadap Kehidupan Sosial Penduduk Setempat

Komuniti penduduk di sekitar hutan simpan memberi maklum balas bahawa pembinaan jalan balak membolehkan tahap pendidikan komuniti dipertingkatkan, ini dinyatakan oleh 20.2% penduduk. Malah 16.7% ahli masyarakat Orang Asli berpendapat yang pembinaan jalan balak telah memudahkan agensi dan jabatan kerajaan untuk menyediakan dan memberi khidmat dari segi kesihatan, pendidikan, keselamatan dan pembangunan (**Rajah 3.18**).




**Rajah 3.18: Kesan Perubahan Disebabkan Jalan Balak Terhadap Penduduk**

Di sebalik impak positif, 65.4% penduduk yang tinggal di sekitar kawasan bersempadan hutan simpan berpendapat bahawa terjadi peningkatan sampah di kawasan berhampiran, malah 55.5% pula menyarankan yang keindahan hutan di kawasan penduduk terjejas akibat aktiviti pembalakan hutan di kawasan mereka. Walaubagaimana pun 54.4% penduduk tidak bersetuju bahawa terjadi peningkatan kes vandalisma dan 52.9% pula terjadi lain-lain kesan yang dapat dilihat akibat daripada aktiviti pengurusan perhutanan (**Rajah 3.9**).




**Rajah 3.19: Pendapat Responden Tentang Kesan Aktiviti Pengurusan Hutan Ke Atas Keindahan Hutan**

Keseluruhan masyarakat Orang Asli memberi maklum balas bahawa oleh kerana tiada lagi aktiviti pembalakan di kawasan mereka, jalan balak yang tersedia ada tidak lagi memberi kesan perubahan kepada mereka (**Rajah 3.20**).




**Rajah 3.20: Kesan Perubahan Disebabkan Jalan Balak Terhadap Orang Asli**

Di kalangan masyarakat Orang Asli, seramai 55.6% berpendapat bahawa peningkatan sampah di kawasan hutan merupakan kesan aktiviti pengurusan hutan di kawasan mereka. Namun 88.9% daripada mereka tidak bersetuju yang pembalakan memberi kesan terhadap keindahan hutan di kawasan penduduk; dan hampir kesemua mereka, 99.4% tidak berpendapat yang peningkatan kes vandalism merupakan akibat daripada aktiviti perhutanan (**Rajah 3.21**).




**Rajah 3.21: Pendapat Orang Asli Tentang Kesan Aktiviti Perhutanan Ke Atas Keindahan Hutan**

Masyarakat Orang Asli berpendapat yang operasi pengurusan hutan ada memberi kesan keatas kawasan tanah komuniti Orang Asli, oleh itu 80.6% ahli beretuju yang pampasan harus diberi keatas kawasan tanah komuniti yang terjejas seperti kawasan rayau, kawasan perkuburan, kawasan pemujaan dan kawasan bersejarah. Namun 72.7% ahli masyarakat juga bersetuju bahawa pemilikan tanah pertanian tradisional (tanah adat) tidak terjejas akibat aktiviti pengurusan perhutanan (**Rajah 3.22**).




**Rajah 3.22: Kesan Aktiviti Ke Atas Tanah Komuniti Orang Asli**

Komuniti penduduk di sekitar hutan simpan bersetuju bahawa aktiviti ekopelancongan dapat menerapkan budaya dan nilai-nilai murni dalam diri masyarakat, namun terjadi juga peningkatan masalah sosial. Nilai min persepsi keseluruhan dari ekopelancongan bersamaan 3.43 (**Jadual 3.7**).

**Jadual 3.7: Persepsi Mengenai Tahap Kepuasan Responden Terhadap Kegiatan Ekopelancongan**

| Bil | Persepsi | Min |
|---|---|---|
| **1** | Menerapkan budaya dan nilai-nilai murni dalam diri masyarakat | 3.52 |
| **2** | Hubungan antara komuniti semakin baik dan memberi kerjasama untuk menjayakan ekopelancongan | 3.51 |
| **3** | Kedatangan pelancong disambut dengan ramah | 3.50 |
| **4** | Masalah sosial semakin meningkat | 3.35 |
| **5** | Anak muda terpengaruh dengan budaya luar (seperti: pergaulan bebas dan lain-lain) | 3.25 |
| | **Min Keseluruhan** | **3.43** |

Masyarakat Orang Asli bersetuju bahawa aktiviti ekopelancongan dapat menerapkan budaya dan nilai-nilai murni dalam diri masyarakat. Malah mereka kurang bersetuju yang pembangunan ekopelancongan akan mendatangkan kesan negatif kepada masyarakat dan kepada anak muda. Nilai min keseluruhan persepsi impak kegiatan ekopelancongan brsamaan 3.77 (**Jadual 3.8**).

**Jadual 3.8: Persepsi Mengenai Tahap Kepuasan Responden Terhadap Kegiatan Ekopelancongan**

| Bil | Persepsi | Min |
|---|---|---|
| 1 | Menerapkan budaya dan nilai-nilai murni dalam diri masyarakat | 4.74 |
| 2 | Hubungan antara komuniti semakin baik dan memberi kerjasama untuk menjayakan ekopelancongan | 4.46 |
| 3 | Kedatangan pelancong disambut dengan ramah | 4.40 |
| 4 | Masalah sosial semakin meningkat | 2.78 |
| 5 | Anak muda terpengaruh dengan budaya luar (seperti: pergaulan bebas, dan lain-lain) | 2.47 |
| | **Min Keseluruhan** | **3.77** |

### 3.3.4 Kepentingan Ekopelancongan Dalam HSK

Persepsi penduduk yang tinggal di sekitar hutan simpan tentang kepentingan ekopelancongan dalam HSK terhadap kehidupan harian mereka dan generasi akan datang ditunjukkan di dalam **Jadual 3.9**. Penduduk berpendapat bahawa Landskap, sungai, gunung dan lembah yang indah menjadi sumber yang penting bagi memajukan ekopelancongan. Min keseluruhan persepsi penduduk terhadap kepentingan ekopelancongan dalam hutan simpan dalam kehidupan harian dan generasi akan datang bersamaan 3.69.

**Jadual 3.9: Persepsi Penduduk Tentang Kepentingan Ekopelancongan Dalam Hutan Simpan Dalam Kehidupan Harian Anda Dan Generasi Akan Datang**

| Bil | Persepsi | Min |
|---|---|---|
| 1 | Landskap dan sungai yang indah | 3.90 |
| 2. | Gunung dan lembah yang indah | 3.90 |
| 3. | Pemandangan semulajadi yang menakjubkan | 3.81 |
| 4. | Cuaca yang menyenangkan | 3.76 |
| 5. | Pemandangan semulajadi yang menakjubkan | 3.75 |
| 6. | Air terjun yang menakjubkan | 3.73 |
| 7. | Mencetus kesejahteraan rohani | 3.68 |
| 8. | Suasana yang menenangkan | 3.67 |
| 9. | Persekitaran yang selamat dan terjamin | 3.66 |
| 10. | Persekitaran yang bersih dan rapi | 3.63 |
| 11. | Persekitaran mesra keluarga | 3.61 |
| 12. | Banyak tarikan dengan tema budaya tempatan | 3.58 |
| 13. | Kebudayaan Orang Asli | 3.58 |
| 14. | Senibina unik berasaskan kebudayaan tempatan | 3.54 |
| 15. | Sejarah dan warisan tersendiri | 3.52 |
| | **Min Keseluruhan** | **3.69** |

Persepsi masyarakat Orang Asli terhadap kepentingan ekopelancongan dalam HSK dalam kehidupan harian mereka dan generasi akan datang ditunjukkan di dalam **Jadual 3.10**. Masyarakat Orang Asli berpendapat bahawa pemandangan semulajadi yang menakjubkan, warisan sejarah, kebudayaan, senibina dan persekitaran yang bersih menjadi daya tarikan ekopelancongan. Min keseluruhan persepsi Orang Asli terhadap kepentingan ekopelancongan dalam hutan simpan dalam kehidupan harian dan generasi akan datang bernilai 4.88.

**Jadual 3.10: Persepsi Orang Asli Tentang Kepentingan Ekopelancongan Dalam Hutan Simpan Dalam Kehidupan Harian Anda Dan Generasi Akan Datang**

| Bil | Persepsi | Min |
|---|---|---|
| 1. | Pemandangan semulajadi yang menakjubkan | 4.90 |
| 2. | Sejarah dan warisan tersendiri | 4.90 |
| 3. | Cuaca yang menyenangkan | 4.89 |
| 4. | Gunung dan lembah yang indah | 4.89 |
| 5. | Landskap dan sungai yang indah | 4.89 |
| 6. | Mencetus kesejahteraan rohani | 4.89 |
| 7. | Senibina unik berasaskan kebudayaan tempatan | 4.89 |
| 8. | Suasana yang menenangkan | 4.89 |
| 9. | Air terjun yang menakjubkan | 4.88 |
| 10. | Banyak tarikan dengan tema budaya tempatan | 4.88 |
| 11. | Kebudayaan Orang Asli | 4.88 |
| 12. | Pemandangan semulajadi yang menakjubkan | 4.86 |
| 13. | Persekitaran mesra keluarga | 4.86 |
| 14. | Persekitaran yang selamat dan terjamin | 4.86 |
| 15. | Persekitaran yang bersih dan rapi | 4.78 |
| | **Min Keseluruhan** | **4.88** |

## 3.3.5 Kepuasan Responden Terhadap Pengurusan HSK

### 3.3.5.1 Kepuasan Penduduk Terhadap Pengurusan HSK

Kepuasan penduduk sekitaran mengenai HSK ditunjukkan dalam **Jadual 3.11**. Pengurusan hutan simpan membolehkan sumber dipelihara seperti yang disarankan oleh penduduk yang mengaitkan HSK dengan sifat mesra alam; beberapa faedah yang diperolehi dari HSK secara keseluruhan memberi nilai min yang menyamai 3.67.

**Jadual 3.11: Keterangan Penduduk Tentang HSK**

| Bil | Keterangan | Min |
|---|---|---|
| 1 | Mesra alam | 3.67 |
| 2 | Tahap pencemaran rendah | 3.63 |
| 3 | Penglibatan penduduk setempat | 3.53 |
| 4 | Lain-lain | 3.23 |
| | **Min Keseluruhan** | **3.52** |

#### 3.3.5.2 Kepuasan Orang Asli Terhadap Pengurusan HSK

Seterusnya, kepuasan masyarakat Orang Asli tentang HSK ditunjukkan di dalam **Jadual 3.12**. Masyarakat Orang Asli yang mendapat faedah secara langsung dari pengurusan hutan menyuarakan nilai yang lebih tinggi berbanding penduduk tempatan keatas sifat hutan yang dimenafaatkan; mereka memberi nilai keseluruhan yang menyamai SK adalah adalah penting dengan min 4.94.

**Jadual 3.12: Keterangan Orang Asli Tentang HSK**

| Bil | Keterangan | Min |
|---|---|---|
| 1 | Penglibatan penduduk setempat | 4.94 |
| 2 | Lain-lain | 4.93 |
| 3 | Tahap pencemaran rendah | 4.83 |
| 4 | Mesra alam | 4.82 |
| | **Min Keseluruhan** | **4.88** |

## 3.4 Perbincangan Kesan Impak Sosial Akibat Aktiviti Dan Pengurusan HSK Di Negeri Johor

### 3.4.1 Impak Positif

Kesan positif keatas kehidupan seharian yang dikaitkan dengan kewujudan HSK yang bersempadanan dengan penempatan penduduk ditunjukkan di dalam **Jadual 3.13**. Penduduk berpendapat bahawa dengan wujudnya persekitaran HSK pendapatan mereka bertambah (min 4.02) selain daripada faedah yang berkait dengan komunikasi, kebudayaan, perniagaan dan peluang pekerjaan. Secara keseluruhan nilai min berkait dengan impak positif menyamai 3.65.

**Jadual 3.13: Kesan Positif Kewujudan Persekitaran HSK Bersempadanan Penempatan Responden Ke Atas Kehidupan Seharian**

| Bil | Perkara | Min |
|---|---|---|
| 1. | Menambah pendapatan | 4.02 |
| 2. | Menambah pembangunan tempatan | 3.71 |
| 3. | Menambah tempat pelancongan | 3.69 |
| 4. | Meningkatkan kemahiran berkomunikasi | 3.57 |
| 5. | Memperkenalkan kebudayaan setempat | 3.57 |
| 6. | Meningkatkan kemahiran berniaga dan jual beli | 3.56 |
| 7. | Meningkatkan kemahiran kaum wanita menceburi industri kecil | 3.56 |
| 8. | Menambah peluang pekerjaan | 3.53 |
| | **Min Keseluruhan** | **3.65** |

Bagi masyarakat Orang Asli, kesan positif keatas kehidupan seharian dari kewujudan persekitaran HSK yang bersempadanan dengan kawasan penempatan mereka ditunjukkan di dalam **Jadual 3.14**. Orang Asli menyarankan kesan positif yang tinggi secara amnya dan berpendapat bahawa memperkenalkan kebudayaan setempat, penambahan pendapatan dan peluang pekerjaan menjadi impak yang lebih penting dengan nilai min 4.85 bagi ketiga tiga impak ini.

**Jadual 3.14: Kesan Positif Kewujudan Persekitaran HSK Bersempadanan Penempatan Responden Ke Atas Kehidupan Seharian**

| Bil | Perkara | Min |
|---|---|---|
| **1.** | Memperkenalkan kebudayaan setempat | 4.85 |
| **2.** | Menambah peluang pekerjaan | 4.85 |
| **3.** | Menambah pendapatan | 4.85 |
| **4.** | Meningkatkan kemahiran berniaga dan jual beli | 4.83 |
| **5.** | Meningkatkan kemahiran kaum wanita menceburi industri kecil | 4.83 |
| **6.** | Meningkatkan kemahiran berkomunikasi | 4.81 |
| **7.** | Menambah pembangunan tempatan | 4.76 |
| **8.** | Menambah tempat pelancongan | 4.67 |
| | **Min Keseluruhan** | **4.81** |

### 3.4.2 Impak Negatif

Beberapa kesan negatif yang terjadi ke atas kehidupan seharian penduduk dari kewujudan persekitaran HSK yang bersempadanan dengan kawasan penempatan penduduk ditunjukkan di dalam **Jadual 3.15**. Penduduk berpendapat bahawa kekurangan ruang mencari hasil hutan menjadi kesan negatif utama disebabkan kewujudan persekitaran HSK bersempadanan penempatan dengan nilai min 3.24.

**Jadual 3.15: Kesan Negatif Kewujudan Persekitaran HSK Bersempadanan Penempatan Responden Ke Atas Kehidupan Seharian**

| Bil | Perkara | Min |
|---|---|---|
| **1.** | Mengurangkan ruang mencari hasil hutan | 3.24 |
| **2.** | Mengurangkan tanah untuk pertanian | 3.17 |
| **3.** | Gangguan masyarakat luar meningkat | 3.14 |
| **4.** | Mengurangkan sumber pendapatan | 3.13 |
| | **Min Keseluruhan** | **3.17** |

Kesan negatif ke atas kehidupan seharian dari kewujudan persekitaran HSK bersempadanan dengan penempatan masyarakat Orang Asli ditunjukkan di dalam **Jadual 3.16**. Secara amnya, Orang Asli berpendapat persekitaran HSK tidak memberi kesan negatif yang ketara (nilai persepsi kurang daripada 2); hanya gangguan masyarakat luar dilihat sebagai kesan negatif yang perlu diawasi disebabkan kewujudan persekitaran HSK bersempadanan penempatan mereka, kesan ini mendapat nilai min menyamai 1.79.

**Jadual 3.16: Kesan Negatif Kewujudan Persekitaran HSK Bersempadanan Penempatan Responden Ke Atas Kehidupan Seharian**

| Bil | Perkara | Min |
|---|---|---|
| **1.** | Gangguan masyarakat luar meningkat | 1.79 |
| **2.** | Mengurangkan ruang mencari hasil hutan | 1.68 |
| **3.** | Mengurangkan tanah untuk pertanian | 1.65 |
| **4.** | Mengurangkan sumber pendapatan | 1.63 |
| | **Min Keseluruhan** | **1.69** |

## 3.5 Langkah-Langkah Mitigasi

Berikut adalah dapatan hasil perbincangan kumpulan berfokus dengan pihak berkepentingan.

| Isu | Langkah Mengatasi |
|---|---|
| **1) Perkhidmatan Pembekalan** | |
| Pencerobohan hutan oleh komuniti setempat dan pihak luar:<br>i) Pencerobohan kawasan HSK melibatkan 81 kawasan komuniti Orang Asli yang merangkumi keluasan 800 hektar.<br>ii) Pencerobohan pihak luar umumnya oleh penceroboh warganegara Vietnam bagi mencuri dan menyeludup keluar Gaharu<br>iii) Pertanian pindah menyebabkan kerugian kepada kerajaan negeri. | • Penguatkuasaan undang-undang.<br>• Meningkatkan penguatkuasaan dan pemantauan di HSK (contoh: menambah bilangan pegawai/kakitangan khusus bagi tujuan ini. Bilangan pegawai/kakitangan yang ideal ditentukan dengan mengambil kira keperluan-keperluan di HSK.<br>• Penanaman semula pokok oleh JPNJ.<br>• Mewujudkan Zon Pertanian Pemulihan.<br>• Penglibatan masyarakat setempat yang mana masyarakat menyalurkan maklumat berkenaan pencerobohan di HSK kepada pihak berkuasa. |
| Bidang kuasa antara agensi-agensi pihak berkuasa tidak jelas berkenaan otoriti untuk mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap kesalahan hutan yang melibatkan komuniti Orang Asli. | • Mewujudkan kerjasama dalam pembuatan keputusan dengan penglibatan aktif semua agensi yang berkaitan. Contoh: Jabatan Hutan, Perhilitan, Pejabat Daerah, JAKOA, Jabatan Alam Sekitar. |
| Tahap penerimaan dan kesedaran dalam kalangan komuniti Orang Asli dan komuniti tempatan terhadap akta yang melibatkan pihak berkuasa adalah rendah menyebabkan kemusnahan kawasan hutan dan kekurangan hasil hutan. | • Usaha meningkatkan kesedaran secara berkala sekurang-kurangnya 2-3 kali setahun, dalam kalangan komuniti setempat terutamanya kepada golongan muda melalui perkongsian maklumat daripada agensi-agensi berkaitan.<br>• JPNJ, JAKOA dan organisasi bukan kerajaan memberi kesedaran tentang peraturan-peraturan dan akta-akta yang perlu dipatuhi.<br>• Program kesedaran yang melibatkan Organisasi Bukan Kerajaan (NGO), komuniti Orang Asli dan masyarakat tempatan boleh diwujudkan Negeri Johor. Contoh: *Friends of Raja Musa Peat Swamp Forest*, Selangor oleh GEC. |

| Isu | Langkah Mengatasi |
|---|---|
| | • Program menyasarkan kepada komuniti Orang Asli bertujuan memberi pendedahan berkenaan kelestarian HSK. Contoh: Program Mesra Minda.<br>• Aktiviti penjualan hasil hutan perlu mendapat lesen/permit daripada pihak berkuasa.<br>• Aktiviti penanaman semula pokok digiatkan: Contoh:<br>i) Tanaman Mengaya<br>ii) Program Penghijauan Malaysia (penanaman semula pokok) perlu digiatkan di Negeri Johor<br>iii) Sesi penanaman semula pokok melalui penglibatan komuniti Orang Asli dan tempatan. |
| Ancaman pembangunan kepada hutan dan kelestarian alam sekitar | • Projek pembangunan yang mengambil kira kesan ke atas alam sekitar.<br>Contoh: Projek pembinaan jalan raya lestari berpandukan kepada Projek Pintasan Rawang (Projek Pintasan Rawang merupakan jambatan/lebuhraya bertingkat yang menerobos sepanjang 2.7 km hutan simpan dara). |
| Kebergantungan kepada hasil hutan bukan kayu sebagai hasil pendapatan tambahan. | Memperkasakan ekopelancongan sebagai sumber pendapatan alternatif/tambahan. Contoh:<br>i) Produk ekopelancongan berteraskan budaya orang asli seperti Program Johor Sumpit, kraftangan dan tarian budaya Orang Asli).<br>ii) Meningkatkan penglibatan komuniti Orang Asli sebagai pemandu pelancong dengan memberikan latihan dan sijil.<br>iii) Bekerjasama dengan Memberikan pendidikan Bahasa Inggeris dan meningkatkan kemahiran komunikasi kepada pemandu pelancong Orang Asli.<br>iv) Kerjasama bersama dengan penduduk tempatan dan pihak majlis untuk meyediakan tempat di parkir khas dan kerja pembersihan di beberapa lokasi rekreasi di Taman Eko Rimba<br>v) Menggalakkan komuniti Orang Asli untuk bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA) dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB). |
| Kefahaman masyarakat Orang Asli terhadap peraturan pengambilan hasil hutan | • Memberikan pendidikan kepada Orang Asli dan kepada pelajar sekolah terhadap peraturan pengambilan hasil hutan secara berkala. |
| Pengambilan hasil hutan secara berterusan boleh memberi kesan | • Mewujudkan tapak semaian sebagai alternatif bagi sumber asli yang mendapat permintaan tinggi. |

| Isu | Langkah Mengatasi |
|---|---|
| negatif dalam jangka masa panjang. | • Melatih Orang Asli dan masyarakat tempatan di dalam pengurusan tapak semaian. |
| **2) Perkhidmatan Kawal Selia dan Perkhidmatan Sokongan** | |
| Ancaman terhadap sumber makanan hidupan liar | • Penanaman tanaman mengaya sebagai sumber makanan hidupan liar |
| Kes pemburuan haram spesis haiwan terancam | • Pemantauan berterusan oleh PERHILITAN (empat bulan pemantauan di hutan dalam OPS Khazanah)<br>• Cadangan pemberian insentif kepada pemberi maklumat tentang aktiviti pemburuan haram<br>• Program kesedaran awam kepentingan hutan kepada hidupan liar |
| **3) Perkhidmatan Kebudayaan dan Rekreasi** | |
| Penggunaan kawasan hutan bagi tujuan aktiviti rekreasi yang tidak mendapat kebenaran oleh pihak berkuasa | • Perbincangan dengan pihak berwajib dan mendapatkan kebenaran; contoh: JPNJ.<br>• Membangunkan modul pengurusan ekopelancongan lestari bersama komuniti dan pihak jabatan.<br>Contoh:<br>i) Modul ekopelancongan Persatuan Malim Gunung - Jabatan Perhutanan Terengganu di Taman Eko Rimba Chemerong<br>ii) Skim eko berasaskan komuniti Sahabat Alam Tampik Janda Baik-Jabatan Perhutanan Pahang |
| Terdapat gangguan atau pencerobohan di kawasan istimewa komuniti Orang Asli | • Pihak JPNJ dan JAKOA perlu menentukan dan melindungi kawasan istimewa komuniti Orang Asli dengan jelas. |
| Sejauhmana kefahaman masyarakat terhadap fungsi dan peranan jabatan dalam aspek konservasi sumber hutan adalah kurang jelas | • Mewujudkan seksyen *Communication, Education, Public and Awareness* (CEPA). Seksyen ini berfungsi untuk:<br>i) menilai kefahaman masyarakat terhadap fungsi jabatan<br>ii) Menyebarluas pengetahuan tentan konservasi sumber hutan kepada masyarakat<br>iii) JPNJ mempergiatkan kerjasama dengan persatuan persatuan pelajar universiti tempatan |

### 3.5.1 Cadangan Aktiviti Pemantauan

| Langkah | Aktiviti | Isu |
|---|---|---|
| **L1** | Penilaian impak | Impak sosial yang utama:<br>• Impak keatas ekonomi tempatan.<br>• Impak keatas sosio-budaya kehidupan. |
| **L2** | Kaedah mitigasi dan penambahbaikan | Kaedah utama mitigasi / penambahbaikan termasuk:<br>• Berbincang dengan komuniti yang terkesan.<br>• Pastikan analisis impak alam sekitar dilaksanakan dengan sepenuhnya keatas sumber hutan.<br>• Mengerat kerjasama dengan agensi yang relevan dan pihak berkepentingan untuk menjalankan program latihan untuk komuniti. |

| Langkah | Aktiviti | Isu |
|---|---|---|
| **L3** | Pemantauan | Pemantaun sosial:<br>• Pemantauan pematuhan.<br>• Pemantauan impak. |

### 3.5.2 Pengukuran Pencapaian Aktiviti Pemantuan Dan Mitigasi

| Langkah | Aktiviti | Isu |
|---|---|---|
| **L1** | Sumber hutan | • Pemantauan sendiri oleh pengurus berhubung dengan pematuhan peraturan *Environmental Impact Assessment* (EIA) dan MC&I berkaitan konservasi sumber.<br>• Menilai kaedah untuk mencegah pencerobohan di kawasan sumber hutan.<br>• Memastikan analisis impak alam sekitar dilaksanakan dengan sepenuhnya keatas sumber air.<br>• Melawat komuniti secara berkala untuk mendapat maklum balas tentang pematuhan peraturan penggunaan air. |
| **L2** | Pekerjaan dan Pendapatan | • Pemantauan sendiri oleh pengurus berhubung dengan pematuhan peraturan AIAS (EIA) dan MC&I berkaitan konservasi sumber oleh pihak yang diberi lesen pembalakan.<br>• Menilai kaedah untuk mencegah pencerobohan di kawasan sumber hutan.<br>• Pastikan analisis impak alam sekitar dilaksanakan dengan sepenuhnya keatas sumber hutan.<br>• Melawat komuniti secara berkala untuk mendapatkan maklum balas tentang pematuhan peraturan penggunaan air dan latihan yang diberi untuk pengeluaran hasil berkaitan sumber hutan. |
| **L3** | Landskap dan suasana alam sekitar | • Pemantauan sendiri oleh pengurus berhubung bagi memastikan yang kawasan hutan masih mengekalkan ciri HCV dan persekitaran yang terjaga untuk pembangunan ekopelancongan. |
| **L4** | Peluang pekerjaan | • Berbincang dengan pemimpin komuniti tentang kesediaan anak buah untuk berkerja di sektor luar dari kawasan kampung. |
| **L5** | Kesihatan dan keselamatan | • Pemantauan sendiri oleh pengurus bekerjasama dengan agensi yang relevan dan JKKK untuk memastikan impak negatif operasi pengurusan hutan tidak mendatang akibat buruk kepada masyarakat.<br>• Berkerjasama dengan pihak PERHILITAN untuk memastikan konflik dapat diatasi secara berkesan. |
| **L6** | Kesan keatas kemahiran tradisional | • Berkerjasama dengan pihak JAKOA untuk memastikan yang masyarakat Orang Asli masih dapat mengekalkan kebolehan dan kemahiran untuk menghasilkan produk tardisional. |
| **L7** | Tapak sejarah dan budaya | • Pemantauan sendiri oleh pengurus untuk memastikan yang masyarakat Orang Asli tidak |

| Langkah | Aktiviti | Isu |
|---|---|---|
| | | kehilangan atribut sejarah dan kawasan arkeologi disebabkan operasi pengusahasilan hutan. |
| **L8** | Keselamatan dan kesihatan berkaitan dengan jalan | • Pemantauan sendiri oleh pengurus untuk memastikan jalan balak yang dibina terjaga dan diselengara cara teratur untuk mengelak kemalangan semasa operasi penghasilan hutan. |

### 3.5.3 Pemantauan Impak

| Langkah | Aktiviti | Isu |
|---|---|---|
| **L1** | Sumber hutan | • Mendapat maklumat dari penduduk mengenai status sumber hutan yang penting untuk kegunaan komuniti pos-pengusahasilan. |
| **L2** | Peluang pekerjaan | • Berkerjasama dengan agensi yang berkenaan untuk memastikan komuniti mempunyai peluang pekerjaan baharu pos-pengusahasilan. |
| **L3** | Kesihatan dan keselamatan | • Berkerjasama dengan agensi berkenaan untuk memastikan kesihatan komuniti terlibat masih terjamin baik.<br>• Memastikan kehidupan harian komuniti tidak terganggu oleh konflik hidupan liar dengan bantuan pihak PERHILITAN. |
| **L4** | Kemahiran dan pengetahuan tradisional komuniti OA | • Berkerjasama dengan pihak JAKOA untuk mengenalpasti impak program latihan serta program bagi meningkatkan kemahiran komuniti menjalankan aktiviti komersial dan mendapat pampasan yang setimpal daripada orang luar yang menggunakan khidmat dan pengetahuan komuniti Orang Asli. |

### 3.5.4 Teknik Pemantauan

| Langkah | Teknik | Isu |
|---|---|---|
| **L1** | Foto | • Digunakan sebagai bukti langkah mitigasi dan penambahbaikan yang dijalankan<br>• Bukti direkodkan dengan menggunakan tarikh dan masa foto diambil |
| **L2** | Pemeriksaan lapangan | • Lawatan lapangan pos-pengusahasilan dibuat untuk membuktikan kepatuhan langkah mitigasi dilaksanakan |
| **L3** | Laporan daripada komuniti Orang Asli | • Laporan bertulis, lisan dan rekod perbualan dengan pemimpin dan ahli komuniti boleh digunakan sebagai bukti kukuh tentang kepatuhan langkah mitigasi dan pembaikan yang diperolehi |
| **L4** | Imej satelit | • Penggunaan foto merupakan cara mudah untuk mendapatkan bukti langkah pemantauan yang diambil, pengunaan imej satelit kini menjadi kaedah yang pantas untuk mendapatkan bukti pemantauan pematuhan |

### 3.5.5 Mengurus Impak Luar Jangka

Dalam mengaplikasikan proses pemantauan, impak luar jangkaan boleh terjadi disebabkan faktor-faktor yang tidak dapat dikenalpasti semasa operasi dan selepas operasi pengusahasilan. Setiap impak luar jangkaan yang terjadi, langkah mitigasi dan tindakan tambahan perlu dibangunkan, dilaksanakan dan dipantau untuk mengurangkan kesan negatifnya.

## 3.7 Kesimpulan

Kesimpulannya, JPNJ telah menunjukkan prestasi yang baik dalam pengurusan HSK di Negeri Johor. Pada masa yang sama, masyarakat setempat berpuas hati dengan keadaan semasa HSK sekarang. Walau bagaimanapun, terdapat juga beberapa pandangan daripada masyarakat setempat untuk mengekalkan pembangunan mampan sejajar dengan matlamat *Sustainable Development Goals* (SGDs). Pertumbuhan ekonomi harus datang bersama dengan kemampanan persekitaran sosial. Ketiga-tiga tunjang (ekonomi, alam sekitar dan sosial) itu harus datang bersama untuk pembangunan mampan di Negeri Johor pada masa hadapan.

Sebaliknya, beberapa kesan sosial perlu dijaga dengan baik, seperti yang dinyatakan oleh masyarakat setempat semasa tinjauan dan FGD. Dari segi impak ekonomi, aktiviti pengkuarian, pembalakan haram dan ekopelancongan yang telah berlaku di dalam Negeri Johor. Aktiviti ini telah menjana pendapatan kepada masyarakat setempat dan Kerajaan Negeri Johor. Namun begitu, pada masa yang sama, ia turut membawa kepada beberapa kesan negatif kepada masyarakat setempat. Mitigasi perlu dilakukan seperti yang dicadangkan dalam laporan SIA di atas.

Seterusnya, dari segi kesan alam sekitar, masyarakat setempat telah membangkitkan isu pembukaan hutan secara haram oleh komuniti setempat, komuniti Orang Asli dan pihak luar. Hutan perlu dikekalkan untuk memberi keseimbangan ekosistem alam. Oleh itu, beberapa langkah mitigasi perlu diambil seperti yang dinyatakan untuk mengurangkan kesan pembukaan hutan secara haram. Akhir sekali, masyarakat harus dididik dan meningkatkan kesedaran tentang penjagaan alam sekitar. Perikatan rentas jabatan dan bantuan masyarakat setempat akan membantu menyelesaikan semua kesan sosial di atas. Sebagai langkah ke hadapan, pemantauan harus dijalankan dari semasa ke semasa, dan pendidikan perlu dipertingkatkan.

# RUJUKAN


Babbie, E.R. (2013) *The practice of social research Earl Babbie,13th ed.*, Belmont, Calif.:Belmont, Calif. : Wadsworth Cengage Learning.

Baland, J. M., & Francois, P. (2005). Commons as insurance and the welfare impact of privatization. *Journal of Public Economics*, *89*(2-3), 211-231.

Dahaman, A. (2011). Penyelidikan Pendidikan. Tinjauan Literatur/Sorotan Kajian (April 2011).

Institut Perhutanan Tropika dan Produk Hutan (2012). *Garis Panduan dan Prosedur Untuk Penilaian dan Pemantauan Impak Sosial Operasi Pengurusan Hutan (Semenanjung Malaysia)*. Jaybees Print Industries Sdn. Bhd.

KM Nitanan, A Shuib, R Sridar, V Kunjuraman, S Zaiton, MA Herman. 2020. The total economic value of forest ecosystem services in the tropical forests of Malaysia. *International Forestry Review*, *22*(4), 485-503

Leena Karrasch. (2016). Matching an ecosystem services approach with Social Impact Assessment. Biodiversity and ecosystem services in impact assessment, 86-112.

Libutti, P., & Kopala, M. (1995). The doctoral student, the dissertation, and the library: A review of the literature. *The Reference Librarian*, *22*(48), 5-25.

Mitchell, R. C. dan Carson, R. T., Using Surveys to Value Public Goods: The Contingent Valuation Method, Resources for the Future, 1989.

Mohd Azmeer Abu Bakar, Asyirah Abdul Rahim, Mohammad Izzamil Mohd Nasir. (2020). Pengetahuan terhadap Perkhidmatan Ekosistem dan Sumbangannya kepada Kehidupan Komuniti di Kuala Sepetang, Perak. *Malaysian Journal of Society and Space*, *16*(1), 139-154.

Mohd Sheffie Abu Bakar, Metodologi Penyelidikan Untuk Ekonomi Dan Bidang Bidang Berkaitan (Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1991).

NK Matthew, A Shuib, I Muhammad, MEM Eusop, S Ramachandran 2018. Carbon stock and sequestration valuation in a mixed dipterocarp forest of Malaysia. *Sains Malaysiana*, *47*(3), 447-455

Noranida Mokthsim 2017 The Timeline of Forest Management In Malaysia Towards Achieving Sustainable Development Goals. Faculty Of Arts And Social Sciences University Of Malaya Kuala Lumpur

P. Addo-Fordjour, Z.B. Rahmad and A.M.S Shahrul. 2014. Impacts of forest management on community assemblage and carbon stock of lianas in a tropical lowland forest, Malaysia. *Tropical Conservation Science*, *7*(2), 244-259.

Patton, M. Q. (1990). Qualitative evaluation and research methods. SAGE Publications, inc.

Rabiul Islam, Chamhuri Siwar, Shaharuddin Mohamad Ismail and Nurul Hidayah Chamhuri. 2010. Criteria and Indicators for Sustainable Forest Management in Malaysia. *American Journal of Environmental Sciences*, *6*(3), 212-218

Shamsul Bahar Mohd Nor. 2021. Malaysian forests play an important role in the global climate battle. The Star.

Taylor, S. J., & Bodgan, R. (1984). La observación participante en el campo. Introducción a los métodos cualitativos de investigación. La búsqueda de significados. Barcelona: Paidós Ibérica.

Travers M. 2006. Qualitative interviewing methods. In: Walter M. (ed.), Social research methods: An Australian perspective. Melbourne: Oxford University Press.

**Lampiran 1**

## Borang Soal Selidik

**Borang persetujuan:**

**Penilaian Impak Sosial Pengurusan Hutan**

Tujuan tinjauan ini adalah untuk mendapatkan maklumat berkenaan aspek sosial yang merupakan perkara penting di dalam piawaian pengurusan hutan. Sekumpulan penyelidik daripada Fakulti Perhutanan dan Alam Sekitar, Universiti Putra Malaysia telah dilantik oleh oleh Jabatan Perhutanan Negeri Johor (JPNJ) untuk membuat tinjauan keatas penduduk terhadap kawasan hutan yang berhampiran.

Tinjauan ini dijangka akan mengambil masa anda sekitar 20 minit. Penyertaan anda adalah sukarela. Tinjauan ini tidak akan meminta maklumat diri anda secara terperinci. Namun, sekiranya anda secara tidak sengaja memberikan maklumat berkaitan pengenalan diri anda, maklumat tersebut akan dikeluarkan dari data yang disimpan. Hasil tinjauan ini hanya akan diakses secara terbuka sebagai ringkasan agregat.

Sekiranya anda mempunyai pertanyaan mengenai penyelidikan ini atau anda merasa memerlukan lebih banyak maklumat untuk menyelesaikan tinjauan ini, anda boleh menghubungi 016-6239932 (Dr Cheah Chan Fatt).

Terima kasih di atas penyertaan anda.

1

**BORANG SOALSELIDIK**

**DIJAWAB OLEH KETUA KAMPUNG / TOK BATIN SAHAJA**

**Nama Tok Batin : ……………………………**
**Nama Kampung : ……………………………**

**KEMUDAHAN KAMPUNG**

**1 Bekalan Air**

Sila tandakan [/] pada maklumat yang berkenaan:

| Bil | Perkara | Ada | Tiada | Bil. | Perkara | Ada | Tiada |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Air paip (bekalan air kerajaan) | | | 4 | Air telaga (termasuk air pam) | | |
| 2 | Air masyarakat (air bukit/air graviti) | | | 5 | Air hujan | | |
| 3 | Air sungai | | | 6 | Lain-lain (sila nyatakan) | | |

**2 Bekalan elektrik/telefon**

Sila tandakan [/] pada maklumat yang berkenaan:

| Bil | Perkara | Ada | Tiada | Bil. | Perkara | Ada | Tiada |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Generator | | | 5 | Bateri | | |
| 2 | Panel Solar | | | 6 | Telefon-talian tetap | | |
| 3 | Bekalan elektrik luar bandar (TNB) | | | 7 | Telefon-mudah alih | | |
| 4 | Mini hidro | | | | | | |

**3 Kemudahan komuniti**

Sila tandakan [/] pada maklumat yang berkenaan:

| Bil | Perkara | Ada | Tiada | Bil. | Perkara | Ada | Tiada |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Balai Raya | | | 6 | Klinik | | |
| 2 | Rumah Adat | | | 7 | Gelanggang | | |
| 3 | Balai Sewang | | | 8 | Padang Permainan | | |
| 4 | Sekolah | | | 9 | Lain-lain (sila nyatakan) | | |
| 5 | Tadika | | | | | | |

2

| | |
|---|---|
| **4** | **Tempat Ibadat** |

| Sila tandakan [/] pada maklumat yang berkenaan: | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Bil | Perkara | Ada | Tiada | Bil. | Perkara | Ada | Tiada |
| 1 | Surau | | | 4 | Kawasan Pemujaan | | |
| 2 | Masjid | | | 5 | Tokong/kuil | | |
| 3 | Gereja | | | 6 | Lain-lain (sila nyatakan) | | |

| | |
|---|---|
| **5** | **Kemudahan Jalan** |

| Sila tandakan [/] pada maklumat yang berkenaan: | | | |
|---|---|---|---|
| Bil. | Perkara | Ada | Tiada |
| 1 | Jalan Tar | | |
| 2 | Jalan Batu Kerikil | | |
| 3 | Jalan Tanah Merah | | |
| 4 | Denai | | |
| 5 | Lain-lain (sila nyatakan) | | |

| | |
|---|---|
| **6** | **Bandar terdekat: Nama bandar ..…………………. Jarak …………km** |

**PENILAIAN IMPAK SOSIAL PENGURUSAN HUTAN**

**Bahagian A: (Profil Sosio Ekonomi Responden)**

<table>
<tr><td colspan="3">Hutan simpan kekal (HSK) terdekat<br>Nama HSK: …………………………………….<br>Jarak: ……………………….. km</td></tr>
<tr><td>A1</td><td colspan="2">Status responden<br>Ketua isi rumah/ isteri/anak/ lain-lain<br>(sila nyatakan)………………</td></tr>
<tr><td>A2</td><td>Jantina responden:<br>1. Lelaki<br>2. Perempuan</td><td>Jantina isi rumah:<br>1. Bil. Lelaki …………………<br>2. Bil. Perempuan ……………</td></tr>
<tr><td>A3</td><td colspan="2">Umur responden : …………………</td></tr>
<tr><td>A4</td><td colspan="2">Etnik responden<br>1. Orang Asli<br>(sila nyatakan suku kaum) ……………………………</td></tr>
<tr><td>A5</td><td colspan="2">Agama responden<br>1. Islam<br>2. Kristian<br>3. Buddha<br>4. Hindu<br>5. Animisme<br>6. Lain-lain (sila nyatakan)……………………………..</td></tr>
<tr><td>A6</td><td colspan="2">Taraf perkahwinan responden<br>1. Bujang<br>2. Berkahwin<br>3. Duda<br>4. Janda<br>5. Bercerai</td></tr>
<tr><td>A7</td><td>Pekerjaan responden:<br>1. Tidak bekerja<br>2. Bekerja (Sila nyatakan pekerjaan) ……………………<br>3. Lokasi tempat kerja : …………………………<br>4. Jarak ke tempat kerja : …………km</td><td>A7 I<br>Jika responden menyatakan BERTANI,<br>Jenis Tanaman yang diusahakan<br>………………………………….</td></tr>
<tr><td>A8</td><td colspan="2">Pendapatan/bulan:</td></tr>
</table>

4

| | |
|---|---|
| | Responden : Jumlah pendapatan RM………………………….<br>Isi rumah : Jumlah pendapatan RM………………………… |
| A9 | Tahap Pendidikan |
| | Responden:<br>1. Tiada pendidikan formal<br>2. Sek. Rendah<br>3. Sek. Menengah<br>4. Kolej<br>5. Universiti<br>6. Lain-lain (sila nyatakan) …………………………. |
| | Isi rumah :<br>1. Bil yang tiada pendidikan formal……<br>2. Bil yang dapat pendidikan sek rendah……<br>3. Bil yang dapat pendidikan sek menengah……<br>4. Bil yang dapat pendidikan kolej….<br>5. Bil yang dapat pendidikan universiti……. |
| A10 | Jenis pengangkutan yang dimiliki |

Sila tandakan (/) di ruang yang berkenaan

| Bil | Perkara | Ada | Tiada | Bil | Perkara | Ada | Tiada |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Kereta | | | 4 | Bot | | |
| 2 | Motosikal | | | 5 | Basikal | | |
| 3 | Van | | | 6 | Lain-lain (sila nyatakan)………… | | |

| | |
|---|---|
| A11 | Bahan Binaan utama untuk kediaman |

Sila tandakan (/) di ruang yang berkenaan

| Bil | Perkara | Ada | Tiada |
|---|---|---|---|
| 1 | Batu bata (konkrit) | | |
| 2 | Kayu | | |
| 3 | Buluh | | |
| 4 | Lain-lain (sila nyatakan)………… | | |

| | |
|---|---|
| A12 | Pergantungan terhadap hutan simpan kekal terdekat untuk saraan hidup |

Sila tandakan (/) di ruang yang berkenaan

| Bil | Perkara | Ada | Tiada | Bil | Perkara | Ada | Tiada |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Sumber makanan (buruan, ikan, tumbuhan) | | | 10 | Kawasan perkuburan | | |
| 2 | Buluh | | | 11 | Kawasan pemujaan | | |
| 3 | Rotan | | | 12 | Kawasan riadah | | |
| 4 | Madu lebah | | | 13 | Minyak kayu | | |
| 5 | Tumbuhan dan herba ubatan | | | 14 | Damar | | |
| 6 | Kawasan kampung/rumah | | | 15 | Gaharu | | |

5

| | | | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 7 | Sumber bekalan air mentah (minum/mandi) | | | 16 | Lain-lain (Sila nyatakan)……………… | | |
| 8 | Bahan binaan | | | 17 | Tiada pergantungan | | |
| 9 | Kayu api | | | | | | |

A13 Aktiviti ekonomi responden dan isi rumah berkaitan hutan (dalam masa 12 bulan yang lalu)

| Sila tandakan (/) di ruang yang berkenaan | | | |
|---|---|---|---|
| Bil | Perkara | Ada | Tiada |
| 1 | Mengumpul rotan | | |
| 2 | Menebang kayu balak | | |
| 3 | Meneroka hutan/tanah hutan | | |
| 4 | Homestay berasaskan hutan | | |
| 5 | Mengumpul herba untuk perubatan | | |
| 6 | Mengumpul madu lebah | | |
| 7 | Memandu pelancong | | |
| 8 | Menangkap ikan | | |
| 9 | Memburu | | |
| 10 | Mengutip kayu gaharu | | |
| 11 | Mendapatkan buluh | | |
| 12 | Mendapatkan petai | | |
| 13 | Berladang/Pertanian pindah | | |
| 14 | Ternak ikan sangkar di sungai | | |
| 15 | Sumber mendapatkan bahan menghasilkan kraftangan | | |

(i) Nyatakan Jumlah Anggaran Nilai Bulanan (ANB) bagi aktiviti ekonomi responden dan isi rumah seperti dinyatakan di atas *
RM……………………………..

**Bahagian B : (Impak Sosial Operasi Pengurusan Hutan)**

| | **Impak Sosial Operasi Pengurusan Hutan** |
|---|---|
| B1 | **Jenis Perkhidmatan Ekosistem**<br><br>Nyatakan jenis aktiviti yang dijalankan di hutan simpan berhampiran kawasan anda.<br>❑Pembalakan<br>❑Penanaman padi/pertanian<br>❑Penternakan ikan air tawar<br>❑Pengkuarian<br>❑Penanaman kelapa sawit<br>❑Pelancongan Eko<br>❑Lain-lain (sila nyatakan)Nyatakan jenis<br>………………………………………………………………………………………<br>(i) sila nyatakan aktiviti yang paling utama antara pilihan anda di atas (berdasarkan penglibatan dan pendapatan)<br><br>……………………………………………………………………………………. |
| | **Impak Alam Sekitar** |
| B2 | Tandakan di ruang yang berkenaan sama ada aktiviti yang paling utama yang dinyatakan di atas memberi kesan atau tidak ke atas perkara berikut |

| Bil | Perkara | Ya | Tidak |
|---|---|---|---|
| 1 | Paras air sungai menjadi cetek | | |
| 2 | Air sungai menjadi keruh | | |
| 3 | Banjir kerap berlaku | | |
| 4 | Kemungkinan banjir lumpur | | |
| 5 | Pencemaran air sungai | | |
| 6 | Tahap kesuburan tanah terjejas | | |
| 7 | Bencana hakisan tanah | | |
| 8 | Penggunaan tanah yang optimum | | |

| | |
|---|---|
| B3 | Sila tandakan di ruangan yang berkenaan sama ada hutan simpan kekal memberi impak yang POSITIF terhadap KUALITI UDARA DAN IKLIM di kawasan anda. |

| Bil | Perkara | Ya | Tidak |
|---|---|---|---|
| 1 | Tahap pencemaran udara yang rendah | | |
| 2 | Udara yang segar dan suhu persekitaran yang normal | | |
| 3 | Iklim yang stabil | | |

| | |
|---|---|
| B4 | Sila tandakan ruangan yang berkenaan sama ada jenis aktiviti yang paling utama yang dinyatakan di atas MENJEJASKAN atau tidak kepada BEKALAN AIR. |

| Bil | Perkara | Ya | Tidak |
|---|---|---|---|
| 1 | Sumber air minum yang bersih untuk komuniti | | |
| 2 | Kuantiti bekalan air minum komuniti mencukupi | | |
| 3 | Punca pembekalan air minum komuniti | | |
| 4 | Kualiti pembekalan air yang bersih untuk mandi dan membasuh | | |
| 5 | Pembekalan air komuniti untuk mandi dan membasuh mencukupi | | |
| 6 | Pembekalan air untuk pertanian | | |
| 7 | Pembekalan air untuk penternakan ikan | | |

| | |
|---|---|
| | **Impak Sosial Terhadap Sosio-Budaya** |
| B5 | **Kebaikan dan keburukan Jalan Balak**<br><br>JALAN BALAK telah memudahkan laluan komuniti penduduk tempatan, orang luar dan juga hidupan liar untuk keluar dan masuk ke kawasan hutan. Ini telah mengakibatkan perubahan seperti disenaraikan di bawah.<br>Sila tandakan di ruang yang berkenaan sama ada perubahan tersebut membawa KEBAIKAN, atau tidak, kepada KOMUNITI. |

| Bil. | Perkara | Ya | Tidak | Berkecuali |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Meningkatkan penggunaan hasil hutan serta aktiviti seperti menangkap ikan, memburu dan mengutip gaharu oleh orang luar | | | |
| 2. | Meningkatkan penggunaan hasil hutan oleh komuniti | | | |
| 3. | Membangunkan komunti Orang Asli dengan peningkatan kemasukan agensi dan jabatan kerajaan (kesihatan, pendidikan, keselamatan, pembangunan) | | | |
| 4. | Peningkatan perkahwinan komuniti Orang Asli dengan orang luar | | | |
| 5. | Meningkatkan tahap pendidikan melalui peningkatan akses komuniti | | | |
| 6. | Pembinaan jalan hutan memudahkan laluan komuniti Orang Asli dari kampung ke kampung | | | |
| 7. | Memudahkan komuniti Orang Asli berulang alik ke tempat kerja | | | |

| B6 | Sila tandakan ruangan yang berkenaan untuk menunjukkan PENDAPAT anda tentang KESAN AKTIVITI PERHUTANAN ke atas KEINDAHAN HUTAN. |
|---|---|

| Bil | Perkara | Terjejas teruk | Kurang terjejas |
|---|---|---|---|
| 1. | Kesan pembalakan terhadap keindahan hutan di kawasan penduduk | | |
| 2. | Peningkatan sampah | | |
| 3. | Peningkatan kes vandalisma | | |
| 4. | Lain-lain kesan yang dapat dilihat (sila nyatakan pada ruangan yang disediakan)<br>……………………………………………………………………….<br>………………………………………………………… | | |

| B7 | **Kesan aktiviti ke atas tanah komuniti Orang Asli**<br>Sila tandakan (/) di ruang yang berkenaan untuk menunjukkan pendapat anda tentang kesan aktiviti ke atas tanah penduduk<br><br>S= Setuju TS=Tidak setuju |
|---|---|

| **Bil.** | **Perkara** | **S** | **TS** |
|---|---|---|---|
| 1. | Pemilikan tanah pertanian tradisional (tanah adat) tidak terjejas | | |
| 2. | Kawasan rayau tidak terjejas | | |
| 3. | Tanah perkuburan tidak terjejas | | |
| 4. | Kawasan larangan/pemujaan tidak terjejas | | |
| 5. | Kawasan bersejarah/pra sejarah tidak terjejas | | |
| 6. | Tanah terjejas perlu diberi pampasan | | |

| | **Impak Sosial terhadap Ekonomi** |
|---|---|

| | |
|---|---|
| B8 | **Kekosongan pekerjaan hutan**<br>Sila tandakan (/) diruang yang berkenaan cara mana maklumat tawaran pekerjaan hutan sampai kepada komuniti Orang Asli/tempatan (pilihan boleh lebih daripada satu) |

| Bil. | Perkara | (/) |
|---|---|---|
| 1. | Makluman kekosongan pekerjaan disampaikan terus oleh JAKOA kepada komuniti Orang Asli | |
| 2. | Tawaran dimaklumkan langsung oleh Jabatan Perhutanan kepada komuniti | |
| 3. | Tawaran dimaklumkan langsung oleh jabatan kerajaan lain (sila nyatakan) ………………………………………….. | |
| 4. | Tawaran dimaklumkan langsung oleh kontraktor pembalakan kepada komuniti | |
| 5. | Tawaran dimaklumkan melalui orang lain (kawan, saudara mara, peraih luar dan lain-lain) | |
| 6. | Tawaran pekerjaan hutan dimaklumkan cara lain (sila nyatakan) ……………………………………………….. | |

| | |
|---|---|
| | **Impak Pembangunan Ekopelancongan** |

10

| B9 | Berdasarkan ukuran dibawah, berikan persepsi anda mengenai tahap kepuasan terhadap kegiatan eko pelancongan dalam Hutan Simpan dengan menandakan [/] dalam ruang yang disediakan. |
|---|---|

| Perkara | Sangat Tidak setuju | Tidak Setuju | Berkecuali | Setuju | Sangat Setuju |
|---|---|---|---|---|---|
| skor | STS | TS | BK | S | SS |

| Bil | Perkara | STS | TS | BK | S | SS |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | **EKONOMI** | | | | | |
| 1 | Kadar pengangguran berkurang | | | | | |
| 2 | Taraf hidup meningkat | | | | | |
| 3 | Peluang pekerjaan bertambah di sektor pelancongan. | | | | | |
| 4 | Segelintir penduduk sahaja yang terlibat dengan aktiviti ekopelancongan. | | | | | |
| 5 | Lebih banyak infrastruktur disediakan. | | | | | |
| | **ALAM SEKITAR** | | | | | |
| 6 | Pada masa hadapan, masalah pencemaran akan berlaku disebabkan aktiviti pelancongan yang dijalankan. | | | | | |
| 7 | Pelancong menjaga kebersihan Kawasan ekopelancongan. | | | | | |
| 8 | Aktiviti ekopelancongan mencemarkan kebersihan air tasik | | | | | |
| | **SOSIOBUDAYA** | | | | | |
| 9 | Masalah sosial semakin meningkat. | | | | | |
| 10 | Menerapkan budaya dan nilai-nilai murni dalam diri masyarakat. | | | | | |
| 11 | Anak muda terpengaruh dengan budaya luar (seperti: pergaulan bebas dan lain-lain) | | | | | |
| 12 | Kedatangan pelancong disambut dengan ramah | | | | | |
| 13 | Hubungan antara komuniti semakin baik dan memberi kerjasama untuk menjayakan ekopelancongan. | | | | | |

**Bahagian C: Pandangan Terhadap Projek Konservasi/ Pemuliharaan Hutan Simpan Kekal (HSK)**

| | |
|---|---|
| C1 | Adakah anda sedar akan kewujudan persekitaran HSK berdekatan/berhampiran penempatan anda?<br>❑ Ada<br>❑ Tiada |
| C2 | Adakah kewujudan persekitaran HSK berdekatan/berhampiran penempatan anda memberi kesan ke atas kehidupan seharian anda, samada kesan positif atau negatif? |

| Perkara | Sangat Tidak setuju | Tidak Setuju | Berkecuali | Setuju | Sangat Setuju |
|---|---|---|---|---|---|
| skor | STS | TS | BK | S | SS |

*kesan positif ke atas pembangunan

| Bil. | Perkara | STS | TS | BK | S | SS |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Menambah pendapatan | | | | | |
| 2 | Menambah peluang pekerjaan | | | | | |
| 3 | Menambah pembangunan tempatan | | | | | |
| 4 | Menambah tempat pelancongan | | | | | |
| 5 | Meningkatkan kemahiran berkomunikasi | | | | | |
| 6 | Meningkatkan kemahiran berniaga & jual beli | | | | | |
| 7 | Meningkatkan kemahiran kaum wanita menceburi industri kecil | | | | | |
| 8 | Memperkenalkan kebudayaan setempat | | | | | |

*kesan negatif ke atas pembangunan

| Bil. | Perkara | STS | TS | BK | S | SS |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1 | Gangguan masyarakat luar meningkat | | | | | |
| 2 | Mengurangkan sumber pendapatan | | | | | |
| 3 | Mengurangkan tanah untuk pertanian | | | | | |
| 4. | Mengurangkan ruang mencari hasil hutan | | | | | |

| | |
|---|---|
| C3 | Berikut ialah senarai pernyataan yang menilai persepsi anda tentang kepentingan ekopelancongan dalam Hutan Simpan dalam kehidupan harian anda dan generasi akan datang. Sila nyatakan TAHAP PERSETUJUAN ANDA tentang perkara-perkara berikut: |

| Perkara | Sangat Tidak setuju | Tidak Setuju | Berkecuali | Setuju | Sangat Setuju |
|---|---|---|---|---|---|
| skor | STS | TS | BK | S | SS |

| Bil | Perkara | SS | TS | BK | S | SS |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Sejarah dan warisan tersendiri | | | | | |
| 2. | Senibina unik berasaskan kebudayaan tempatan | | | | | |
| 3. | Banyak tarikan dengan tema budaya tempatan | | | | | |
| 4. | Kebudayaan Orang Asli | | | | | |
| 5. | Pemandangan semulajadi yang menakjubkan | | | | | |
| 6. | Mencetus kesejahteraan rohani | | | | | |
| 7. | Persekitaran mesra keluarga | | | | | |
| 8. | Pemandangan semulajadi yang menakjubkan | | | | | |
| 9. | Landskap dan sungai yang indah | | | | | |
| 10. | Gunung dan lembah yang indah | | | | | |
| 11. | Air terjun yang menakjubkan | | | | | |
| 12. | Persekitaran yang bersih dan rapi | | | | | |
| 13. | Persekitaran yang selamat dan terjamin | | | | | |
| 14. | Suasana yang menenangkan | | | | | |
| 15. | Cuaca yang menyenangkan | | | | | |

| | |
|---|---|
| C4 | Berikut merupakan beberapa keterangan bagi menilai pendapat anda tentang Hutan Simpan Kekal. Sila nyatakan tahap kepuasan anda terhadap impak dari operasi pengurusan hutan simpan di Kawasan anda. |

| Bil | Perkara | Amat tidak memuaskan | Tidak memuaskan | Berkecuali | Agak memuaskan | Sangat memuaskan |
|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | Mesra alam | | | | | |
| 2. | Tahap pencemaran rendah | | | | | |
| 3. | Penglibatan penduduk setempat | | | | | |
| 4. | Lain-lain (nyatakan dalam ruangan jawapan yang disediakan) ……………………………………………………………………………. | | | | | |

**TERIMA KASIH ATAS KERJASAMA ANDA**

13

**Lampiran 2**

## Senarai Kehadiran Peserta FGD

| No | Nama | Agensi |
|---|---|---|
| 1. | Zaitun Binti Abdullah @ Ahmad | Jabatan Perhutanan Negeri Johor |
| 2. | Muhammad ‘Aizat Bin Morzaman | Pejabat Hutan Daerah Johor Selatan |
| 3. | Salim Bin Sulaiman | Pejabat Hutan Daerah Johor Utara |
| 4. | Muhammad Rohaizad Bin Ramli @ Ramlee | Pejabat Hutan Daerah Johor Tengah |
| 5. | Mohd Yazid Bin Beram | Pejabat JAKOA Daerah Kluang |
| 6. | Suhaila Bt Isenin | Pejabat JAKOA Daerah Johor Bahru |
| 7. | Rooal Yadoon | Pejabat JAKOA Daerah Segamat |
| 8. | Abd. Zaidi | Pejabat JAKOA Daerah Muar/ Tangkak |
| 9. | Fadhil | Pejabat JAKOA Daerah Kota Tinggi |
| 10. | Faziliana Binti Bakeri | Pejabat JAKOA Daerah Batu Pahat/ Pontian |
| 11. | Mohd Ezwan Bin Jamigoe | Pejabat Daerah Mersing |
| 12. | Noor Nabilah Binti Masnani | Pejabat Daerah Kota Tinggi |
| 13. | Henashwari Siva | Global Enviroment Centre (GEC) |
| 14. | Logaraj Ramakreshnan | Global Enviroment Centre (GEC) |
| 15. | Dzulkifli BM | Persatuan Pemandu Pelancong (JCNTGA) |
| 16. | Mohd Sufian Bin Ramli | Tourism Johor |
| 17. | Rosli Haji Ithnin | MOTAC |

**Lampiran 3**

## Borang Perbincangan FGD

**PERBINCANGAN KUMPULAN FOKUS KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN PENGURUSAN HUTAN NEGERI JOHOR 2016-2025 - PENILAIAN IMPAK SOSIAL (SIA)**

TUJUAN:
MENGUMPUL MAKLUMAT MENGENAI LANGKAH MITIGASI BAGI KEPELBAGAIAN IMPAK PENGURUSAN HUTAN SIMPAN KEKAL DI JOHOR TERHADAP PERKHIDMATAN EKOSISTEM

TARIKH: 13 FEBRUARI 2022

MASA: 9 PAGI

TEMPAT: THISTLE HOTEL, JOHOR BAHRU

1

i) **Perkhidmatan pembekalan/ (*Provisioning*)**

**Contoh perkhidmatan pembekalan: kayu balak, hasil hutan bukan kayu, kraftangan, air (minum, pengairan) makanan (ikan, buah), sumber perubatan, sumber perhiasan.

1) Dapatan kajian ini menunjukkan i) aktiviti pengurusan hutan telah menyebabkan pencemaran air sungai ii) terdapat pencerobohan dalam kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) iii) berlaku kekurangan kawasan pencarian hasil hutan dalam kalangan Orang Asli. Apakah langkah yang perlu diambil bagi mengatasi masalah-masalah ini?

______________________________________________________________________
______________________________________________________________________
______________________________________________________________________
______________________________________________________________________
______________________________________________________________________
______________________________________________________________________

2) Pada pandangan anda apakah isu-isu lain berkaitan dengan mana-mana aspek di dalam perkhidmatan pembekalan? Apakah langkah yang perlu diambil bagi mengatasi isu-isu ini?

______________________________________________________________________
______________________________________________________________________
______________________________________________________________________
______________________________________________________________________
______________________________________________________________________
______________________________________________________________________

ii) **Perkhidmatan kawal selia (*Regulating services*) dan Perkhidmatan habitat/sokongan (*Habitat/Supporting services*)**

Hutan adalah penting dalam aspek pengawalseliaan udara, tanah, pendebungaan, kawalan perosak dan penyakit, penyerapan karbon, kawasan tadahan air, kawalan atau pencegahan banjir, pencegahan hakisan tanah, sokongan kepada perikanan hiliran dan hulu, dan perlindungan pantai atau pesisir pantai

1) Apakah langkah yang perlu diambil untuk memberikan perkhidmatan kawal selia atau menambah baik perkhidmatan kawal selia yang sedia ada kepada masyarakat?

______________________________________________________________________
______________________________________________________________________
______________________________________________________________________
______________________________________________________________________
______________________________________________________________________
______________________________________________________________________

2) Pencerobohan hidupan liar merupakan satu isu yang berkaitan dengan pengurusan hutan. Apakah langkah yang perlu diambil untuk menangani atau memastikan masalah ini tidak berlaku?

______________________________________________________________________
______________________________________________________________________

2

3) Pada pandangan anda apakah isu-isu lain berkaitan dengan mana-mana aspek di dalam perkhidmatan kawal selia dan perkhidmatan habitat/sokongan? Apakah langkah yang perlu diambil bagi mengatasi isu-isu ini?

**iii) Perkhidmatan kebudayaan dan rekreasi (*Cultural and Amenity Services*)**

**Budaya, estetika, tradisi, kepercayaan, agama, rekreasi dan ekopelancongan

1. Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa i) penduduk dan Orang Asli bimbang dengan impak negatif ekopelancongan kepada sosio-budaya mereka. ii) peningkatan sampah yang menjejaskan keindahan hutan di kawasan penduduk akibat aktiviti-aktiviti di kawasan mereka iii) Perkhidmatan rekreasi memerlukan penyelengeraan kemudahan rekreasi yang memerlukan kos yang tinggi. Apakah pandangan anda tentang perkara-perkara ini?

2. Pada pandangan anda apakah isu-isu lain berkaitan dengan mana-mana aspek di dalam perkhidmatan kebudayaan dan rekreasi? Apakah langkah yang perlu diambil bagi mengatasi isu-isu ini?